# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 52 | RABU 24HB DISEMBER, 1980. | 1401 16 رابو صفر | PERCHUMA




YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah ketika menapong tawar pelajar2 yang di-khatamkan.

## Adakan usaha ka-arah yang lebeh baik

SENGKURONG. — Dalam memasoki gerbang awal kurun ka-15, ada-lah mustahak bagi kita umat Islam untok membaharui azam dan mempertegohkan chita2 dengan mengubah sikap dan mengadakan usaha ka-arah yang lebeh baik pada mendekatkan diri kapada Allah.

Oleh itu, umat Islam ada-lah di-ingatkan untok selalu mendampingkan diri dengan masjid dengan sentiasa mengingatkan Allah dan beramal sembahyang, kerana masjid ada-lah puncha perubahan sikap2 yang lebeh baik.

Demikian telah di-sabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sa-jurus sa-belum merasmikan Majlis Khatamal Kor'an bagi 19 orang murid Sekolah Ugama Sengkurong, bertempat di-Masjid Jame' mukim tersebut pada hari Jumaat lalu.

Di-dalam Majlis Khatamal Kor'an yang merupakan salah satu achara bagi menyemarakkan lagi shi'ar Islam, Yang Amat Mulia itu mengingatkan umat Islam untok menjadikan masjid sa-bagai puncha terpanchar-nya chachaya iman dan taqwa, dan menyeru supaya mereka sentiasa rajin mengadakan keramaian2 dan sambutan2 yang bersesuaian dengan kehendak Ugama Islam, bersembahyang jemaah, mengadakan kelas2 ugama, mempelajari Kor'an, dan lain2 ilmu pengetahuan Ugama Islam.

Yang Amat Mulia itu juga menegaskan bahawa Kerajaan Kebawah DYMM telah menyediakan tempat2 belajar ugama, dan mengadakan guru2 ugama di-sa-tiap kampong dan mukim, dan Yang Amat Mulia menasihatkan supaya kesempatan2 dan peluang2 yang di-sediakan itu di-gunakan dengan sa-baik2-nya.

"Amal ibadat mustahak-lah di-kerjakan dengan sempurna-nya, kesempurnaan itu hanya dapat di-chapai dengan chara belajar dan berguru, bukan dengan chara melihat atau mengikut2," sabda Yang Amat Mulia itu lagi.

Menyentoh usaha bagi menyemarakkan Shi'ar Islam, Yang Amat Mulia itu menjelaskan bahawa usaha2 itu hendak-lah di-sertai dengan kesuchian hati dan niat ikhlas kerana Allah sa-mata2, dan kita hendak-lah menjauhkan diri daripada dosa dan segera bertaubat kapada Allah.

Kerana itu, tambah Yang Amat Mulia itu lagi, mustahak-lah kita mengenali dan mempelajari perkara2 yang boleh mendatangkan dosa dan mengetahui akan perbuatan2 yang boleh membawa kapada dosa, dengan demikian ia boleh di-jadikan sempadan.

Turut hadhir termasok-lah YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Haji Mohd Zain serta pendudok2 Mukim Sengkurong.

### Manis-nya Iman

"SA-SUNGGOH-NYA kamu tidak-lah dapat memberikan kechukopan atau kelegaan kapada orang dengan harta benda kamu, tetapi mereka akan berasa chokop atau lega jika kamu menunjokkan kemanisan wajah dan kebaikan budi pekerti kamu." — HADITH Nabi petekan Abu Ya'la dan disahihkan oleh Al-Hakim.

## PENANAMAN MODAL LUAR NEGERI:

# TETAP TERKAWAL

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kedudokan penanaman model Brunei di-luar negeri di-yakinkan tetap berada dalam keadaan yang terkawal dan kerajaan terus-menerus menumpukan perhatian yang teliti terhadap perkembangan2-nya dari satu masa ka-satu masa.

Langkah2 yang tegas telah pun di-ambil untok mempastikan yang sa-tiap projek kerajaan berjalan lanchar di-samping langkah2 untok mengelak pembaziran.

Demikian antara yang di-tegaskan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam ulasan2-nya terhadap saranan2 yang di-kemukakan oleh ahli2 yang di-lantek dalam Sidang Belanjawan Majlis Mashuarat Negeri yang sedang berjalan sekarang.

Dalam sidang hari Sabtu lepas, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu menjelaskan bahawa tananam modal Brunei di-luar negeri di-sifatkan-nya sa-bagai tidak membimbangkan kerana usaha2 positif yang terus-menerus di-ambil oleh kerajaan.

Jawatankuasa untok meneliti perkara itu telah pun di-adakan dan anggota2-nya tidak-lah sa-mata2 terdiri dari pakar2 yang di-lantek dari luar negeri bahkan beberapa orang pegawai2 kerajaan yang terkanan ada-lah antara ahli2-nya.

Pengerusi jawatankuasa itu sendiri, jelas-nya ada-lah di-



Y.B. Setia Usaha Kerajaan.

sandang oleh Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

### PELAKSANAAN PROJEK

Yang Berhormat itu juga mengulas saranan2 tentang betapa perlu-nya kerajaan mengambil perhatian berat terhadap pelaksanaan satu2 projek yang akan dan telah di-jalankan supaya menemui matalamat yang di-hajati dan mengelakkan pemborosan serta pembaziran. Untok ini ahli2 yang di-lantek menyeru kerajaan supaya menubohkan sa-buah jawatankuasa yang di-pertanggong-jawabkan ka-arah itu.

Menurut Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, jawatankuasa yang di-maksudkan itu sudah lama di-tubohkan yang bukan saja senantiasa mengkaji puncha2 kelalaian, mengelakkan pemborosan dan pembaziran, bahkan juga di-pertanggong-jawabkan untok menchari jalan2 pada mengatasi perkara2 sa-umpama itu jika di-dapati berlaku.

Mereka itu, jelas-nya ada-lah merupakan "watch-dog" kapada ranchangan2 kemajuan, dan ini termasok-lah terhadap projek penanaman padi yang sedang berjalan di-mana jawatankuasa khas yang sa-rupa telah di-adakan.

### GAJI PEGAWAI2

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan juga menyambut baik atas perkara kedudokan gaji pegawai2 tingkatan IV dan V yang di-pohonkan supaya di-kaji sa-mula oleh kerajaan.

Menurut-nya, perkara yang sa-umpama itu ada-lah senantiasa di-ambil perhatian oleh kerajaan bukan saja bagi tingkatan2 tersebut bahkan keselurohan-nya hingga membawa yang bergaji hari. Penelitian dari sa-masa ka-sa-masa akan tetap di-ambil.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menyeru pegawai2 dan kakitangan kerajaan terutama-nya di-bahagian rendah supaya membuat usaha2 untok menambahkan pengalaman dan pengetahuan masing2 untok menchapai ka-tingkatan2 yang lebeh tinggi dengan kedudokan gaji yang lebeh baik. Mutu kerja, kata-nya, hendak juga di-tingkatkan dari satu masa ka-satu masa untok menemui satu taraf perkhidmatan yang lebeh baik kapada negara dan raayat.

### ANAK2 TEMPATAN

Mengulas tentang dakwaan tidak ramai-nya anak2 tempatan mendudoki tempat2 penting di-perkhidmatan RTB, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menyesali dakwaan itu dan menganggap-nya tidak benar.

Kata-nya, dalam semua jabatan2 kerajaan, RTB-lah yang paling ramai anak2 tempatan mendudoki jawatan2 penting saperti pegawai2 ranchangan hingga membawa kapada jurutera2 dan apa lagi di-bahagian jawatan2 pertengahan dan rendah. RTB, harus di-ambil chontoh dalam pengutamaan pengambilan anak2 tempatan itu.

Lihat muka 18

## Pelajar "investment" negara

SERIA. — Para pelajar ada-lah golongan yang dapat di-sifatkan sa-bagai tabong atau 'investment' masa depan negara.

Ini telah di-tegaskan oleh Pemangku Pesurohjaya Kerjasama Awang Mahmud bin Haji Bakyr dalam uchapan-nya sajurus sebelum merasmikan Hari Pelajar Maktab Anthony Abell di-sini baru2 ini.

Awang Mahmud berkata, 'investment' negara dalam bentok pendidekan kapada para pelajar di-ranchang sa-begitu rupa supaya mereka apabila 'mentally' and 'spiritually' dewasa akan betul2 menjadi 'asset' kapada negara, bukan-nya 'liability' yang banyak menimbulkan masaalah.

Beliau menegaskan lagi, ada-lah lebeh mengun-tongkan 'mentackle' sa-suatu kemungkinan masa-alah itu daripada akar umbi-nya sa-belum ia benar2 menjadi masaalah yang terpaksa di-atasi dengan menggunakan perbelanjaan yang tinggi. Begitu-lah perbandingan-nya dengan usaha memberi pendidekan kapada raayat.

Kekayaan harta benda sa-suatu bangsa tidak dapat menjamin kestabilan

Lihat muka 18

## Bekalan minyak:

## Subsidi kerajaan $40j.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengeluarkan subsidi bekalan minyak kapada orang ramai sa-banyak 40 juta ringgit sa-tahun.

Ketika menjelaskan demikian dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat itu menambah, kenaikan harga minyak di-Brunei sekarang ini tidak kena mengena dengan kenaikan gaji pegawai2 dan kakitangan kerajaan. Kenaikan harga bahan itu, kata-nya, ada-lah sa-mata2 dari naik-nya kos perbelanjaan memproses dari minyak mentah kapada minyak yang kita gunakan hari2.

Berhubong dengan minyak ini, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan juga menjelaskan kerajaan yang sa-lama ini telah memberikan subsidi kapada sa-tiap gelen minyak yang di-gunakan oleh orang ramai di-negeri ini. Sa-hingga masa ini, tambah-nya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengeluarkan tambahan demi tambahan untok ranchangan subsidi itu pada tiap2 tahun.

Pada masa ini, jelas-nya, Kerajaan Baginda Yang Dipertuan terpaksa mengeluarkan sa-banyak 40 juta ringgit sa-tahun untok subsidi bekalan minyak kapada orang ramai.

Mengenai harga barang2 pula, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu menjelaskan bahawa kawalan2 ka-arah itu telah di-laksanakan dengan baik-nya. Pada keselurohan-nya, Yang Berhormat itu merasa yakin bahawa harga barang di-negeri ini ada-lah lebeh murah jika di-bandingkan dengan harga barang di-wilayah yang lain.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

24HB DISEMBER, 1980.

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## *Dakwaan:*

# Lain menaik nibong, lain menaik pinang?

SA-TELAH mengikuti beberapa perbahasan ahli2 Yang Berhormat Majlis Mashuarat Negeri dalam musim permashuaratan ke-18, terutama ketika mengikuti perbahasan mengenai dengan belanjawan bagi tahun depan 1981, ada beberapa pandangan, fikiran, chadangan serta tegoran yang membena untok faedah raayat dan negara yang mana perkara2 itu akan di-ambil perhatian oleh pehak kerajaan; sekali pun dari sudut pandangan yang berbeza-beza akan tetapi hasrat untok melihat orang Brunei dan negara Brunei lebeh tegak, lebeh maju sa-banding dengan bangsa2 asing di-negeri ini begitu ketara di-ketengahkan oleh ahli2 Yang Berhormat itu. Sementara itu pehak kerajaan pula sering kali menegaskan bahawa raayat serta pendudok di-negeri ini di-samping menekmati beberapa kemakmoran dari hasil negara yang semakin bertambah-tambah itu, Insha Allah, negeri Brunei dan raayat-nya akan terus membangun untok menchapai taraf kesejahteraan yang terus meningkat saperti mana yang di-hajatkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dan dalam meranchang sa-suatu pembangunan atau kemajuan itu, ia-nya pula perlu-lah mengambil masa (bukan melambat-lambatkan) dengan tujuan supaya sa-tiap projek pembangunan itu di-teliti serta betul2 mendatangkan faedah untok raayat dan negara dalam jangka panjang. Dari sebab itu-lah ia-nya perlu penelitian, pertimbangan, penyelidekan serta keutamaan — terutama mengenai manusia2 yang akan terlibat di-dalam-nya dan sa-bagai-nya. Ini-lah aspek2 yang terlebeh dahulu di-utamakan dan dengan yang demikian ia-nya tidak akan sampai merugikan kepentingan negara dan raayat samada dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Melaung-laungkan sentimen kedaerahan sa-waktu menyampaikan pandangan atau lebeh tepat lagi sa-waktu menggesa kerajaan dengan mendakwa ". . . . ada menaik nibong dan ada menaik pinang" itu, amat mengelirukan dan boleh menimbulkan kesan2 burok dalam keadaan negara Brunei yang sedang membangun dengan pesat-nya sekarang ini.

Kebebasan beruchap dalam Dewan Majlis yang mulia itu, tidak harus di-salah-gunakan hingga mengelirukan di-kalangan raayat atau boleh mengganggu perpaduan raayat serta membahayakan keselamatan dan kestabilan negara yang kita sama2 chintai ini ia-itu Brunei Darussalam. Dan raayat sekarang ini sudah kian matang dengan putar belit itu dan dapat melihat dengan mata kepala sendiri akan kemajuan2 yang telah di-nekmati mereka di-bawah pimpinan yang bijaksama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Isu-isu kedaerahan sa-umpama itu tidak lagi akan dapat menambat hati dan fikiran raayat di-negeri ini. Bagaimana pun, mungkin segelintir orang akan terpengaroh dengan jolokan2 kedaerahan yang mudah menaikkan sentimen yang akan merebakkan semangat yang tidak di-ingini.

Dan kerajaan telah menegaskan berkali2 bahawa dalam membangun serta memajukan negeri ini kepentingan semua pehak sentiasa di-perhati. Oleh itu dakwaan "lain menaik nibong dan lain menaik pinang" itu dalam menchapai matalamat pembangunan dan kemajuan negara ini tidak-lah timbul. Yang penting ia-lah soal kelayakan, kebolehan, keupayaan dan sa-umpama-nya.

## Dari Dewan Majlis Mashuarat Negeri

# *Pasar baru ikan BSB telah pun di-ranchang*


YAB Menteri Besar.

YANG Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd Momin bin Pengiran Haji Ismail menjelaskan ranchangan hendak membangun pasar baru ikan di-Bandar Seri Begawan telah pun di-ranchangkan oleh kerajaan yang mana peruntokan-nya telah di-sediakan di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun 1980-1984.

Yang Amat Berhormat itu menambah pemilehan tapak yang sesuai telah memakan masa yang lama di-sebabkan keperluan pada mensesuaikan dengan keadaan yang sering bertukar dari satu masa ka-satu masa, walau bagaimana pun, projek sa-umpama itu akan di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin dan dengan sa-berapa boleh.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi tahu demikian untok menjelaskan soalan yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali bin Ismail di-Persidangan Majlis Mashuarat Negeri pada hari Selasa lalu.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga memberi tahu Dewan bahawa pembenaan jalan-raya baru dari Merangking, Bukit Sawat hingga ka-Sukang dan Melilas di-Daerah Belait akan di-laksanakan sa-bagai2 sahaja penyiasatan selesai menurut keutamaan-nya di-dalam ranchangan jalan-raya yang di-fikirkan berpatutan oleh kerajaan.

Menjawab soalan tersebut yang di-timbulkan oleh YB Pehin Datu Singamanteri Awg Arif bin Mujun, YAB Menteri Besar seterus-nya memberi tahu bahawa ranchangan baharu pembenaan jalan-raya Kuala Belait-Sungai Tujoh akan di-laksanakan di-mana perundingan dengan pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad ada-lah perlu bagi mengelakkan saloran gas dan minyak, dan kerja2 awal bagi jalan tersebut telah pun di-mulakan dari Sungai Teraban.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar seterus-nya menjelaskan berkenaan dengan tanah TOL yang tidak dapat di-tanami dengan tanaman2 kekal ia-lah kerana ia-nya mengkehendaki jangka masa yang panjang bagi mensesuaikan dengan pengeluaran tanah bergeran sa-chara besar-besaran untok projek pertanian dan sa-umpama-nya.

Perkara ini, jelas YAB Menteri Besar kapada soalan YB Pehin Datu Singamenteri akan di-pertimbangkan menurut sa-suatu permohonan itu, di-mana tanah2 yang tertentu telah di-timbangkan oleh kerajaan untok faedah projek2 ekonomi sa-chara pajakan dalam bidang pertanian sa-bagaimana yang sedang berjalan di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut yang di-laksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Mengenai chadangan yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamenteri bagi membena sa-buah jambatan menyeberangi Sungai Teraban, YAB Menteri Besar menjelaskan bahawa kerajaan pada masa ini sedang menyelideki kemungkinan2 pembenaan jambatan itu sa-lepas jalan-raya yang di-ranchang terbena.

Dalam menjawab soalan dari YB Pehin Datu Laila Raja, YAB Menteri Besar menjelaskan kerajaan pada masa ini sedang memberikan bantuan2 di-seluroh negeri dalam membena jalan2 kechil di-sawah2 padi dan mengadakan tali ayer yang sederhana.

Sa-lain daripada itu kerajaan juga memberikan bantuan baja dan soal membersehkan tanah2 sawah ada-lah satu perkara di-pertanggong-jawabkan kapada penanam2 padi masing2.

Menyentoh peranan dan perchubaan Jabatan Pertanian dalam usaha-nya untok menambah hasil tani di-negeri ini, YAB menambah ia-nya sentiasa di-salorkan kapada pendudok2 di-seluroh negeri ini bagi menekmati hasil2 perchubaan yang berkenaan.

Jabatan Pertanian, jelas YAB bukan-lah sa-bagai ejen mengeluarkan hasil, tetapi pada asas-nya untok membantu petani2 dalam bidang2 pengkajian yang mana jika di-kendalikan oleh petani2 sendiri akan menelan perbelanjaan yang sangat besar.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga menjelaskan bahawa ada-lah tidak benar yang pengambilan guru2 dari luar negeri itu lebeh rendah daripada perbelanjaan bagi menghantar guru2 belajar ke-luar negeri.

Penghantaran anak2 tempatan keluar negeri ia-lah untok meluaskan pelajaran mereka di-berbagai-bagai bidang yang menjadi dasar utama kerajaan supaya mereka yang di-perlukan dalam bidang itu akan dapat di-sandang oleh anak2 tempatan sendiri.

Menyentoh mengenai dengan kemudahan2 bidang sokan di-Daerah Tutong yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat Awang Chong Seng Toh, YAB Menteri Besar menjelaskan, buat masa ini kerajaan sedang membuat perundingan pada mendapatkan tanah dan jika sekira-nya tapak di-perolehi kerja2 permulaan akan di-jalankan.

Berhubong dengan perkhidmatan kapada kerajaan di-antara Bandar Seri Begawan dan Labuan, YAB Menteri Besar menegaskan yang buat masa ini kapal tersebut maseh menjalankan peranan-nya yang biasa sa-hingga satu masa yang di-fikirkan apabila kapal2 yang di-usahakan oleh sharikat2 swasta dewasa ini memenohi keperluan2 orang ramai sa-penoh-nya.

Kerajaan juga tambah YAB itu sedang berusaha untok membuat sa-buah jambatan membena jalan-raya bagi mengatasi kesibokan yang sering berlaku di-jabatan Pengangkutan Darat ketika orang2 ramai hendak membaharui lesen2 dan sa-bagai-nya.

Di-samping itu kerajaan juga berusaha untok menambah kaki-tangan Jabatan Pengangkutan Darat di-Daerah Tutong di-samping sa-buah tapak tanah yang sa-luas kira2 sa-ekar di-proses untok di-jadikan chawangan tetap di-daerah tersebut.

Berhubong dengan kesihatan yang juga di-timbulkan oleh Yang Berhormat itu mengenai "merokok boleh merosakan kesihatan," Yang Amat Berhormat menjelaskan kerajaan belum berchadang untok mengadakan sa-suatu peratoran atau undang2 bagi menchegah orang ramai daripada merokok di-tempat2 khas di-dalam panggong wayang, lif2 dan lain2 tetapi, jelas-nya langkah2 yang positif sedang di-jalankan di-seluroh negeri saperti kempen kesihatan yang di-anjorkan oleh Pejabat Perubatan dan Kesihatan.

# Penjualan minyak di-Kg. Ayer berjalan dgn terator

YANG Berhormat Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menegaskan bahawa penjualan minyak di-Kampong Ayer ketika ini pada keseluroh-an-nya ada-lah berjalan dengan baik dan terator.

Dalam pada itu terdapat aspek2 teknikal yang tidak dapat di-elakkan dan dengan ada-nya usaha kerajaan bagi menchegah penyeludupan minyak keluar negeri yang menyebabkan pehak yang bertanggong-jawab terpaksa mengadakan quato yang membawa kapada gangguan sementara berlaku di-satu dua tempat.

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan menegaskan demikian sa-bagai menjelaskan soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Kesuma Awang Haji Ali bin Ismail mengenai dengan kehabisan yang sering berlaku di-steshen2 minyak di-perayeran Brunei yang sedikit sa-banyak menjejaskan mata pencharian nelayan2, pemotong2 kayu dan sa-bagai-nya.

Menyentoh mengenai dengan penyeludupan minyak yang di-seludupkan melalui Sungai Brunei, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan menjelaskan bahawa langkah mengawal penyeludupan itu telah pun di-laksanakan di-mana hingga sa-takat ini satu dua kes telah pun di-hadapkan ka-mahkamah.


Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan.

Mengenai dengan kenaikan harga barang2 runchit pula yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat itu, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan menjelaskan pertimbangan ini berasaskan kapada surat2 dan keterangan2 yang berkenaan seperti invoice, borang pengakuan kastam dan daripada pembuat-nya di-mana sharikat2 pemborong terlebeh dahulu menghadapkan surat permohonan mereka kapada Pengawal Harga jika hendak menaikkan harga barang2.

Barang2 runchit yang tidak tahan lama yang di-import oleh beberapa pengimpot2 tempatan tidak di-kehendaki menghadapkan permohonan kenaikan harga barang oleh sebab ia-nya berlawanan antara pengimpot2 dan penjual2 dengan sendiri-nya akan menetapkan harga yang berpatutan bagi barang2 tersebut.

Berhubong dengan kenaikan gas baru2 ini, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan harga gas di-negeri ini tidak termasok dalam daftar harga barang2 yang terkawal.

Mengenai dengan soal kerosakan talipon di-Bandar Seri Begawan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, menyarankan supaya kita sentiasa bersabar pada menunggu talipon2 tersebut akan lebeh sempurna dengan keadaan yang ada sekarang.

Tetapi walaubagaimana pun untok makloman lanjut-nya sistem talipon yang ada sekarang terdiri dari tiga bahagian utama ia-itu rangkaian kebal talipon, sistem ibu-sawat talipon dan sistem panggilan jauh talipon, dan bahagian sistem ibu-sawat talipon dan sistem panggilan jauh sedang di-majukan dengan baik-nya, tetapi oleh di-sebabkan kekurangan kaki-tangan yang mahir maka sa-bahatelah terganggu.

# SEMANGAT TAAT SETIA PENTING DI-PELIHARA

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menekankan semangat taat setia merupakan pusaka orang Brunei turun-temurun dan penting di-pelihara dan di-amalkan.

Amalan ini, menurut-nya, di-salorkan melalui berbagai-bagai bidang termasok pelajaran yang mana di-hasratkan akan dapat melahirkan raayat Brunei yang taat setia mereka tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan memegang Bahasa Melayu sa-bagai bahasa diri.

"Dan apabila mereka menjadi pemimpin atau pegawai kanan kerajaan mereka akan terus menghormati bahasa-nya sa-bagaimana ia-nya di-rasmikan, sa-bagai Bahasa Negara oleh Perlembagaan 1959," ujar-nya.

Sebab itu tambah-nya lagi, ada-lah mendukachitakan jika terdapat di-antara orang2 yang di-asoh melalui sekim pelajaran negeri2 "menjadi duri dalam daging" terhadap dasar mengutamakan Bahasa Melayu itu dan tidak taat kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sudah tentu orang itu akan menimbulkan berbagai-bagai masaalah seperti kata perumpamaan Melayu, "Keris menikam tuan-nya".

Sebab itu, tambah-nya lagi, di-samping mementingkan bahasa Melayu, anak2 Brunei yang di-hantar keluar negeri, mesti-lah di-nilai juga dari segi kelakuan, tata-tertib dan bersopan-santun, yang penting bersemangat taat setia kapada raja-nya.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja.

Berhubong dengan perkhidmatan dan kemudahan2 di-sekolah2 yang terpenchil dan juga guru2 yang mengajar di-sekolah itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menjelaskan bahawa mereka itu ada-lah juga sama2 di-ambil perhatian dan sama sa-kali tidak timbul soal membezakan.

Segala kemudahan2 perlu ada-lah di-berikan sapertimana juga yang di-berikan kapada sekolah2 di-bandar2, namun demikian kata-nya, jika ada Ahli2 Yang Berhormat mendapati sa-suatu yang kurang senang, maka ada-lah lebeh baik dan lebeh berkesan bagi mereka mengemukakan sa-chara detil tetapi bukan hanya sa-chara berchakap yang tidak konkrit.

# SA-TIAP RANCHANGAN KEMAJUAN PERLU BAHAN ASAS

YANG Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awg Haji Sulaiman menegaskan sa-tiap ranchangan kemajuan yang di-laksanakan oleh Kerajaan DYMM baik bagi sektor swasta atau pun kerajaan mesti-lah memerlukan bahan2 asas dan kemudahan2 yang boleh mendorong dan mengekalkan ranchangan2 kemajuan itu.

Ini bermakna kerajaan, mesti-lah mengadakan infrastraktor supaya usaha2 kerajaan itu akan dapat di-ikuti dan di-pelihara kemajuan-nya.

Dalam ranchangan kemajuan negara yang lalu dan masa ini, jelas Yang Berhormat saterus-nya ada membayangkan bahawa beberapa projek swasta akan di-buat dalam tempoh lima tahun ka-hadapn dan perkara itu maseh dalam pertimbangan kerajaan.

Tetapi semua ranchangan2 swasta itu ujar-nya lagi berkehendakkan kemudahan2 yang akan di-berikan oleh kerajaan seperti infrastraktor jalan-raya, bekalan ayer dan tenaga letrik yang menchukopi dan sa-bagai-nya mithal-nya, ranchangan penubohan kelapa sawit di-Ulu Belait yang di-pertimbangkan oleh kerajaan itu di-persetujui; tentu-lah tidak akan berjaya mengeluarkan hasil perusahaan yang di-kehendaki kalau ranchangan infrastraktor jalan-raya, bekal ayer dan letrik yang menchukopi tidak di-ator lebeh awal.

Menyentoh mengenai dengan ranchangan padi yang di-katakan tidak akan berjaya Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ada-lah tidak betul kerana untok melaksanakan satu2 projek yang membuahkan hasil memakan masa yang lama demikian juga penanaman padi di-Wasan yang baru di-mulakan itu tidak dapat di-jadikan pertandingan.

Mengenai dengan pimpinan kerajaan untok membantu peniaga2 Melayu ka-arah satu taraf kemajuan yang tinggi, Yang Berhormat menjelaskan kerajaan telah pun mengadakan satu kursus bimbingan kapada peniaga2 dan pemborong2 bumiputera yang mana usaha itu akan di-teruskan sa-bagai satu usaha kebajikan.

Berhubong dengan orang2 Brunei yang berkerja di-Sharikat Minyak Shell kurang mendapat layanan dan pekerjaan baik, Yang Berhormat berkata, usaha itu telah di-ambil perhatian oleh kerajaan, dan buat masa ini kerajaan telah pun berunding dengan pehak Sharikat Minyak Shell untok mengambil lebeh banyak anak2 tempatan mengisikan jawatan penting dalam sharikat itu.

Menyentoh dengan peranan Yunit Peranchang Ekonomi, jelas Yang Berhormat, bukanlah tanggong-jawab mereka untok menurunkan atau menaikkan harga barang tetapi tugas yang utama ia-lah untok meranchang kemajuan ekonomi negara dalam jangka masa yang panjang.

"Hanya sa-chara kebetulan Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi ada-lah di-tugaskan mengawal harga mengikut undang2 pengawalan harga. Sa-lain daripada itu juga bertugas untok menghadapkan dan menasehatkan kapada kerajaan akan langkah2 yang perlu untok meranchang dan menyusun ekonomi negeri ini di-masa akan datang," ujar Yang Berhormat.

Mengenai hak tambang perchuma yang di-berikan kapada pegawai2 kerajaan, beliau menjelaskan perkara itu bertujuan untok memberi kesempatan berehat dan melihat kemajuan negeri luar yang mana terlalu besar faedah-nya kapada mereka.

Berhubong dengan penubohan steshen2 pertanian di-merata tempat di-negeri ini, Yang Berhormat itu memberi tahu penubohan itu satu langkah kerajaan untok memberikan kesenangan atau kemudahan kapada raayat untok menghubongi pegawai2 yang bertugas di-tempat itu samada meminta nasehat atau bantuan.

Kalau sa-kira-nya steshen2 itu di-tiadakan, tentu-lah ia-nya akan mendatangkan kesulitan kapada petani2 yang memerlukan bantuan terutama yang tinggal jauh di-pendalaman.

"Dan segala ujian yang di-jalankan oleh Jabatan Pertanian sa-lama ini pun ada-lah besar faedah-nya bagi kepentingan kaum tani terutama dalam hal mendapatkan beneh2 tanaman yang baik dan chara berchuchok tanam yang lebeh moden, Jabatan Pertanian itu pun tidak menjadi kebimbangan kapada kita kerana mereka hanya tujoh orang berbanding dengan 22 orang anak2 tempatan yang bertugas di-situ," tegas Yang Berhormat.

Menyentoh ura2 pehak swasta untok memajukan perusahaan gula di-negeri ini, Yang Berhormat berkata usaha tersebut sangat baik, dan jika ada keinginan pehak yang berkenaan untok memajukan usaha ini, elok-lah mereka menghadapkan satu chadangan yang lengkap kapada pehak2 yang berkenaan supaya dapat di-pertimbangkan.

Tentang kad turun naik yang di-keluarkan oleh Pejabat Imigereshen pula beliau menjelaskan, ia-nya terbahagi kapada dua, satu untok simpanan si-pemilek dan satu lagi di-simpan oleh Pejabat Imigereshen.

Buat masa ini, kata-nya pengeluaran kad itu hanya di-utamakan kapada pelawat2 yang datang ka-negeri ini dan ini terkechuali kapada orang2 tempatan.

# Kerajaan beri perhatian menjaga keamanan

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud menegaskan 30 peratus daripada peruntokan bagi tahun 1981 di-khaskan bagi pertahanan.

Ini sesuai dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa memberikan perhatian yang berat bagi menjaga keamanan dan ketenteraman dalam negeri.

Menurut beliau, Baginda Yang Dipertuan sendiri, dalam titah yang telah di-lafadzkan di-pembukaan persidangan tahun ini telah mengajak Ahli2 Majlis Mashuarat untok melihat anggaran perbelanjaan bagi tahun hadapan juga akan bertambah jika di-bandingkan di-tahun2 lalu.

Perbelanjaan tersebut ia-lah pada mengadakan berbagai-bagai perkhidmatan untok faedah dan kepentingan raayat dan Negeri Brunei am-nya, termasok perbelanjaan untok menjamin keselamatan dan keamanan serta ketenteraman dan kemajuan Negeri Brunei supaya raayat dan penduduk negeri ini dapat terus hidup dalam keadaan aman damai dan sejahtera lagi bahagia.

Menurut Yang Berhormat itu peruntokan yang di-berikan kapada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei itu, sa-bahagian besar-nya ada-lah bagi 'capital expenditure', untok menentukan bahawa perkembangan dan kemajuan yang di-harapkan bagi menghadapi kehendak2 pertahanan negeri ini.

Di-antara perbelanjaan besar, tambah Yang Berhormat, termasok-lah perbelanjaan bagi pembangunan dan kemajuan2 perkhemahan yang sedang di-ranchangkan di-bena di-satu kawasan di-Penanjong di-Daerah Tutong dan apabila perkhemahan itu siap ia-nya akan menempatkan Pusat Latehan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang pada ketika ini bertempat di-Bolkiah Kem, dan ia-nya juga akan menempatkan Perkhemahan Kereta Perisai yang pada masa ini di-tempatkan sementara di-Perkhemahan Tutong.

Di-samping itu, kata Yang Berhormat lagi, ia juga akan menempatkan Pasokan Meriam yang di-jangka akan di-tubohkan pada tahun 1983 nanti.

Di-samping perbelanjaan untok perkara tersebut, Yang Berhormat seterus-nya menjelaskan bahawa peruntokan itu juga akan meliputi untok membeli beberapa buah pesawat helikopter untok kegunaan pasokan.

Menyentoh dengan beberapa aspek dalam pasokan, di-sifatkan-nya sangat mengelirukan saperti pemansokhan



Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa.

perkakas2 dan tidak melalui "board of survey," Yang Berhormat menjelaskan bahawa Pemerentah Pasokan AMDB, ada-lah di-berikan kuasa untok memansokhkan daripada buku kira2, perkakas atau pun harta benda yang berjumlah tidak lebeh dari $1,000.00.

Menjelaskan mengenai baksis Yang Berhormat menyatakan perkara itu tidak pernah berbangkit kerana, mana2 anggota pasokan yang telah bersara, dengan sendiri-nya baksis mereka selesai.

Mengikut peratoran yang ada pada kerajaan masa ini, jelas-nya, jika sa-seorang itu belum bersara dari perkhidmatan maka tidak-lah munasabah dia di-bayar baksis.

Mengenai dengan perbelanjaan memelihara pesawat helikopter, Yang Berhormat seterus-nya menjelaskan, memang ia-nya memerlukan peruntokan yang lebeh, tambahan lagi di-tahun hadapan pasokan itu akan di-lengkapkan dengan beberapa buah helikopter yang baru.

Tambahan kapada pesawat2 baru itu sudah tentu-nya akan menambahkan lagi peruntokan pemeliharaan-nya termasok perbelanjaan untok alat ganti yang tinggi harga-nya di-samping perbelanjaan pengangkutan alat2 ganti tersebut.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa ada-lah menjadi chita2 pasokan itu, yang pemeliharaan helikopter ini akan di-jalankan oleh anak2 tempatan di-satu hari kelak.

Pada masa ini, kata-nya saramai sembilan orang anak tempatan sedang menjalani latehan di-Air Engineering Institute Singapura, dalam pemeliharaan helikopter dan usaha tersebut sedang di-teruskan dan di-pesatkan.

Mengenai dengan kereta tangki ayer yang di-timbulkan oleh ahli yang di-lantek, Yang Berhormat menyatakan bahawa kereta tersebut ada-lah tidak benar dan tidak pernah berlaku.

Kata-nya, pasokan itu hanya mempunyai sa-buah kereta tangki ayer yang di-beli 10 tahun yang lalu, dan ia-nya maseh boleh di-pakai dan tidak di-buang ka-laut, dan harga-nya tidak sampai kapada dua juta ringgit.

Berhubong dengan Kapal Pahlawan yang di-sebutkan sa-bagai chalon besi burok, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa seterus-nya menjelaskan bahawa kapal itu belum lagi menjadi chalon besi burok malah ia-nya akan di-pelihara sa-bagai bahan sejarah dalam perkembangan pertahanan kita.

# Peruntokan 1981 untok kesenangan raayat

YANG Berhormat Dato Seri Paduka Haji Talib bin Derwish menegaskan bahawa peruntokan tahun 1981 itu ada-lah menunjokkan beberapa usaha kerajaan Duli Yang Maha Mulia untok memberi kesenangan, kemudahan2 kapada raayat saperti bekalan ayer, letrik, jalan-raya dan sa-bagai-nya.

Menyentoh dengan jalan-raya yang di-bena oleh kerajaan kata Yang Berhormat itu lagi ada-lah mempunyai tujuan yang tertentu bukan sahaja untok menghubongkan dari satu kampong ka-satu kampong bahkan juga penggalakan pembukaan kawasan2 pertanian.

Dan sa-belum satu2 projek itu di-jalankan, tambah Yang Berhormat, banyak kajian2 perlu di-adakan terutama-nya bagi menjimatkan perbelanjaan, saperti yang selalu di-tegor oleh ahli2 yang di-lantek untok berjimat chermat dalam menggunakan wang negara itu.

Berhubong dengan tegoran mengenai jalan-raya di-Daerah Tutong dan Temburong, Yang Berhormat menambah kata, memang-lah tujuan kerajaan untok memberikan kesenangan kapada raayat dan bukan untok melambat-lambatkan sa-bagaimana yang di-timbulkan oleh salah sa-orang ahli yang di-lantek.

Akan tetapi, kata Yang Berhormat itu lagi, tiap2 satu kerja itu ada-lah berdasarkan kapada keutamaan dan keupayaan satu2 jabatan itu dan semua projek itu harus akan siap sa-belum berakhir-nya tempoh ranchangan lima tahun.

Tentang jalan2 yang tertentu di-Tutong yang selalu mengalami banjir, Yang Berhormat itu mensifatkan ia-nya sa-bagai perkara biasa, dan sebab itu peruntokan di-sediakan bagi pemeliharaan dan pada mengatasi semua kesulitan saperti membersehkan sungai dan kalbat.

Berpindah kapada peranchang bandar dan desa, Yang Berhormat itu menjelaskan, kebanyakan dari permohonan yang ada tidak mengikut peratoran2 yang di-kehendaki oleh kerajaan terutama di-segi keluasan bilek2, tinggi bilek2, pintu dan tingkap dan juga jarak dari bangunan rumah ka-sempadan.

Yang Berhormat itu penoh perchaya, jika sa-kira-nya, permohonan itu memenohi sharat2 yang ada, Insha Allah ia-nya akan di-luluskan.

# RBA untok kemudahan awam

YANG Amat Mulia Peguam Negara, Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas menegaskan bahawa Penerbangan Diraja Brunei (RBA) ada-lah di-sediakan untok kemudahan awam.

Untok melaksanakan perkhidmatan itu, tegas Yang Amat Mulia, kerajaan telah menubohkan sa-buah badan yang di-daftarkan menurut kehendak undang2 sa-bagai sharikat berhad di-bawah undang2 sharikat.

Chara lain yang boleh di-pakai bagi menubohkan badan itu ia-lah dengan menubohkan dengan kuat-kuasa satu undang2 khas bagi maksud itu sa-bagai sa-buah badan berkanun saperti British Airways.

Sa-chara umom, sabda Yang Amat Mulia, perlaksanaan RBA di-negeri ini ada-lah di-jalankan sa-chara komeshal dan sa-bagai sa-buah badan perniagaan dan bukan chawangan kerajaan.

Ini, sabda-nya lagi, tertaklok kapada bayaran sewa kapada kerajaan perbelanjaan yang lain ada-lah di-bayai sendiri dengan pinjaman wang dari bank dan juga kerajaan tidak membayai perbelanjaan ini sa-chara langsong tetapi 100 peratus saham yang telah di-keluarkan, ada-lah di-punyai oleh kerajaan, sama saperti kedudokan-nya dengan MAS dan juga Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, ia-itu sa-belum kerajaan menyertai saham tersebut.

Soal samada saham itu boleh di-jual kapada orang ramai atau tidak, Yang Amat Mulia Peguam Negara menjelaskan bahawa ia-nya terlebeh dahulu di-teliti oleh kerajaan sa-chara mendalam kerana sharikat tersebut maseh belum mendapat keuntongan atau pendapatan yang menchukopi.

Insha Allah, sabda Yang Amat Mulia itu, kerajaan akan menimbangkan kemungkinan mempelawa raayat di-negeri ini membeli saham sharikat itu.

# "PUMA" NAHAS UDARA: 12 orang terbunoh



DI-SINI-LAH jatoh-nya badan pesawat tersebut yang telah di-timbusi oleh lumpur dan di-sini-lah juga mayat kesemua mangsa terkubor sa-belum di-keluarkan.

SAAT2 sa-belum penunjok waktu tepat ka-4.15 petang hari Selasa minggu lalu itu..... tidak ada di-antara kesemua 12 orang yang berada di-perut pesawat helikopter PUMA menyedari yang mereka akan menempoh maut di-dalam satu keadaan yang menyedehkan sa-hinggalah pesawat tersebut mengalami kerosakan dan terhampas di-Kuala Belait.

Peristewa yang menghiris hati sa-tiap keluarga mangsa2 kemalangan yang berlaku di-kawasan tanah paya Rasau itu tidak akan mungkin terpendam sa-bagai satu sejarah burok dan kenangan pahit bagi mereka mahu pun dalam chatetan harian rasmi bahagian Penerbangan Awam Brunei.

Pesawat yang di-punyai oleh Sharikat Bristow di-Britain dan di-sewa khas bersama juru terbang-nya sechara berkontrek oleh Sharikat Shell Sarawak itu ada-lah dalam jadual perkhidmatan biasa mengangkut penumpang dan pekerja yang berulang-alek antara Lutong di-Miri dan Anduki di-Seria. Ketika kemalangan itu pesawat tersebut sedang melakukan penerbangan dari Lutong ka-Anduki.

## Mangsa

Dalam beberapa minit sa-telah kechelakaan itu di-ketahui sa-pasokan ahli penyelamat dengan kelengkapan2 khas telah berjaya mengesan tempat kejadian. Bagaimana pun gerakan mereka untok segera mengeluarkan mangsa yang terkorban telah tergendala oleh keadaan tanah lumpur dan hutan tebal.

Hanya pada keesokan hari-nya sa-telah mendapat bantuan dari pehak bomba mereka telah berjaya menemui 5 mayat yang dua di-antara-nya dengan mudah di-sahkan sa-bagai juruterbang Richard Brown berumor 33 tahun dan Anthony Larkin yang berumor 25 tahun. Mayat yang tujoh orang lagi hanya dapat di-keluarkan dari lumpor yang menimbusi tapak kemalangan dua hari kemudian-nya.

Semua mayat yang telah di-temui di-bawa ka-Rumah Sakit Penaga di-Seria untok pengenalan yang di-jalankan oleh kakitangan rumah sakit dengan di-bantu oleh sanak saudara yang berkenaan.

Sementara itu Pegawai Daerah Belait Pengiran Idriss bin Pengiran Temanggong Pengiran Haji Mohammad telah meminta orang ramai agar tidak mengerumuni Rumah Sakit Penaga sementara usaha2 untok mengenali mangsa2 kemalangan di-lakukan.

Ada-lah di-ketahui pada awal-nya sementara gerakan menchari mayat2 mangsa di-lancharkan, pusat penyiasatan kemalangan udara di-London telah segera di-hubongi dan ia-nya telah menghantar sa-pasokan kakitangan-nya yang telah sampai ka-sini lewat petang Khamis lalu.



ALAT yang berupa lampu isharat dari pesawat yang kelihatan menyala oleh pehak 'Pelita' hingga lewat petang Khamis lalu.

Dalam keluaran akhbar 'The Borneo Bulletin' Sabtu lalu telah di-laporkan dari salah sa-orang yang sempat menyaksikan sa-belum pesawat itu jatoh mengatakan yang ia-nya telah meletup di-udara. Kenyataan ini mungkin ada benar-nya kerana dari lawatan pehak 'Pelita' ka-tempat kejadian ternyata pechahan2 pesawat tersebut bertaboran di-sekitar kawasan kira2 300 ela mengikut ukoran pusat.

Bagaimana pun pasokan penyiasat yang di-ketuai oleh dua orang pegawai dari chawangan Penyiasat Kemalangan di-Jabatan Perdagangan London sekarang maseh lagi menjalankan usaha penyelidekan mereka untok mempastikan puncha awal nahas tersebut.

## Yang terbunoh

Terdahulu dari itu sa-baik sahaja kejadian itu di-sahkan, Bahagian Perhubongan Sharikat Minyak Shell Brunei telah mengeluarkan Berita Kilas tentang kechelakaan itu yang antara lain menyebutkan nama2 kesemua penumpang yang terlibat.

Antara mereka ia-lah sa-orang pemburong Sharikat Minyak Shell Brunei yang terkenal yang berasal dari Seria, Mr. Yong Joon San yang berusia 38 tahun. Beliau pada mula-nya bukan-lah sa-orang penumpang yang di-senaraikan dalam senarai penumpang — hanya pada saat2 akhir dia telah mengambil keputusan untok pulang ka-Seria menumpangi pesawat tersebut.

Sembilan orang lain-nya yang terbunoh ia-lah:— Miss E.C. Graeme, 18 tahun; Zayadi Mohammad Ali, 14 tahun; Cik Ishah binte Kepol, 34 tahun; Julia binte Abdul Rahman, 11 tahun; Murbaya binte Abdul Rahman, 10 tahun; Abang Muhaddhir, 6 tahun; Menggeris Udin, 25 tahun; Sinnanyan Onik, 23 tahun; dan Muhammad Hj. Munir juga 23 tahun. Dua dari mereka ia-itu Zayadi Mohammad Ali dan Mohammad Haji Munir ada-lah berasal dari Brunei sementara lain-nya berasal dari Sarawak.



SERPIHAN bahagian pesawat yang jatoh kira2 250 ela dari badan pesawat.



BAHAGIAN ekor pesawat yang tersangkut di-atas pokok tinggi-nya kira2 80 kaki. Jauh-nya dari badan pesawat kira2 150 kaki.

# TAHUN 1980: EKONOMI DUNIA MENGALAMI KETEGANGAN

SAYA berdiri untok mengusulkan bachaan kedua Rang Undang2 atas nama saya yang bergelar "Satu Undang2 untok memohon sa-jumlah wang dari Kumpolan Wang Yang Di-Satukan bagi perkhidmatan tahun 1981 dan bagi memper-untokkan jumlah wang tersebut bagi maksud2 yang tertentu."

Sa-belum itu, Pengiran Speaker, untok kepentingan Ahli2 Yang Berhormat, peramba saya ingin memberikan suatu gambaran yang rengkas mengenai dengan kejadian2 di-tahun lalu yang menimbolkan kesan2 dari segi kewangan atau pun ekonomi dalam Negeri Brunei, dan memberikan butir2 mengenai dengan kedudokan kewangan negara dewasa ini serta meramalkan apa-kah yang akan di-temui di-sa-panjang tahun hadapan.

**BERIKUT ia-lah uchapan belanjawan tahun 1981 yang telah di-bentangkan oleh YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Dato Laila Jasa John Lee di-musim Permashuaratan Majlis Mashuarat Negeri baru2 ini. Uchapan tersebut ada-lah bagi memohon kapada Dewan untok kebenaran mengeluarkan sa-jumlah wang dari Kumpolan Wang Yang Di-Satukan bagi perkhidmatan jabatan2 kerajaan sa-panjang tahun 1981 yang berjumlah $1,513,550,458 yang telah pun di-luluskan pada hari Sabtu yang lalu.**



**AHLI2 Yang Berhormat rasmi kerajaan di-barisan hadapan dan antara pembesar negara (di-belakang) yang menghadhiri Istiadat Perasmian Majlis Mashuarat Negeri musim ke-18 yang lalu.**



**YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara**

Tahun 1980 merupakan suatu tahun dalam mana ekonomi dunia mengalami ketegangan. Lantaran harga2 minyak yang bertambah tinggi, kegiatan2 ekonomi yang berkurangan dan keadaan inflasi yang terus-menerus melanda ekonomi negara2 perusahaan, maka kebanyakan negara2 yang bukan pengeluar minyak di-dunia mengalami rintangan2 ekonomi yang makin bertambah. Meski pun terdapat pengurangan2 yang penting dalam jumlah barang2 impot negara2 tersebut, namun kurangan2 dalam kira2 semasa mereka telah kian bertambah, sementara itu pula pertumbohan barang2 ekspot mereka telah mengendor oleh sebab pertumbohan ekonomi yang perlahan dan dasar2 pelindongan yang terdapat di-negara2 yang maju. Dalam keadaan2 yang samacham ini hanya sedikit sahaja kemajuan yang telah di-chapai dalam usaha untok melaksanakan suatu ranchangan tindakan antarabangsa yang di-maksudkan untok melegakan masaalah2 ekonomi dunia hari ini. Masaalah2 pengangguran telah bertambah dan di-negara2 yang miskin, yang sa-bilangan dari-nya di-kechohkan oleh pertikaian2 politik, terdapat kesengsaraan dan kemelaratan yang bertambah-tambah hingga mengancham kehanchoran susunan masharakat negara2 tersebut.

## Ekonomi negara

Meski pun tiada orang yang mampu untok membutakan mata atau bersikap achoh-tak-achoh terhadap kejadian2 yang lambat laun akan menjejaskan semua negara2 di-dunia ini, namun saya sangat merasa beruntong kerana dapat menghadapkan satu belanjawan negara pada ketika ini tanpa di-hiraukan oleh sa-barang kekangan2 yang di-akibatkan oleh kemundoran2 yang saya nyatakan sabentar tadi. Dengan bersandarkan kapada chuchoran rahmat yang bersumber dari kekayaan asli yang paling di-hargai di-dunia dewasa ini, maka ekonomi negara kita sentiasa dalam keadaan selesa dan sudah sa-memang-nya-lah terus membangun.

Penghasilan minyak di-sa-panjang sembilan bulan yang pertama tahun ini sa-chara purata ia-lah sa-banyak 242,000 tong sa-hari. Dengan ada-nya kenaikan2 dalam harga tenaga di-dunia, di-samping atoran2 kewangan dan perchukaian yang di-kenakan kapada sharikat2 pengeluar minyak dan gas di-Brunei, maka ranchangan2 pada memperbaiki serta memperluaskan lagi perkhidmatan2 Kerajaan dapat-lah terjamin berjalan dengan baik dan perlaksanaan projek2 kemajuan pula telah dapat di-teruskan tanpa sa-barang keperluan untok mendapatkan bantuan kewangan dari luar negeri dan tanpa mengenakan chukai2 tambahan.

Oleh kerana ekspot minyak dan gas dan peri nilai-nya tinggi pada masa ini, maka terdapat-lah satu lebehan Imbangan Perdagangan yang sunggoh mengkagumkan dan tidak-lah perlu untok menghadkan kemasokan barang2 impot atas sebab2 ekonomi. Begitu juga, meski pun satu Kawalan Pertukaran Matawang terus di-kekalkan, namun ini hanya-lah untok tujuan2 pengukuran sahaja dan tidak-lah bersifat menyekat.

Perkembangan yang optima bagi Perusahaan Minyak dan Gas ada-lah sentiasa dalam kajian. Beberapa kawasan yang tertentu dalam negeri ini telah di-berikan keizinan untok menchari-gali minyak kapada dua buah Sharikat2 Minyak Amerika, dan dengan ada-nya pembaikan2 dalam teknik-teknik rakamgema bumi maka ada-lah di-harapkan usaha2 mereka untok menchari minyak dalam jumlah2 yang boleh di-usahakan akan menemui kejayaan. Persetujuan telah pun di-chapai mengenai chara bagaimana Kerajaan boleh menyertai kegiatan2 Sharikat2 tersebut dalam keadaan yang sedemikian.

## Era baru

Satu era baru telah terchatet dalam Perusahaan Gas Chechair Asli dengan penghantaran kargo yang ke-1,000 LNG ka-Jepun baru2 ini di-bawah kontrek jangka panjang-nya. Projek tersebut terus menchapai kejayaan, baik dari segi kewangan-nya, mahu pun dari segi teknik. Tiada pernah barang sakali pun sa-suatu penghantaran kargo itu gagal untok di-sampaikan kapada pembeli2-nya di-Jepun, menurut jadual penghantaran yang telah di-tentukan.

Sharikat Shell baru2 ini telah menyiapkan satu talian paip untok membekalkan bahan bakar gas dari tempat pemungutan gas di-Lumut hingga sampai ka-Steshen Tenaga Letrik Kerajaan di-Gadong. Ini telah membolehkan loji janakuasa utama untok bergerak dengan menggunakan gas asli tanpa menggunakan minyak disel dan dengan ini Kerajaan memperolehi satu penjimatan yang besar dalam harga-nya dan pembekalan-nya pula ada-lah lebeh terjamin.

## Subsidi

Dengan mengambil tahun 1977 sa-bagai tahun asas yang mempunyai angka-tunjok 100. Angka-Tunjok Barang2 Pengguna dalam bulan Oktober 1980 ia-lah 122. Angka-Tunjok tersebut menampakkan satu kenaikan sa-banyak 6.8 melebehi angka bagi bulan yang sama tahun 1979. Pehak kerajaan telah meneruskan dasar-nya untok menetapkan perbelanjaan sara hidup, dengan memberikan bantuan subsidi kapada perkhidmatan2 yang mustahak, kemudahan2 orang ramai, beberapa jenis bahan makanan yang tertentu dan juga minyak kenderaan. Meski pun untok mengawal inflasi dalam negeri ada-lah mungkin di-lakukan, namun demikian untok mengekang sa-penoh-nya kesan2 kenaikan dalam harga barang2 dan perkhidmatan2 yang di-impot dari luar negeri, ada-lah suatu perkara yang tidak mungkin. Kenaikan2 dalam kadar2 gaji itu sendiri ada-lah menimbolkan inflasi, tetapi namun demikian ada-lah suatu hal yang penting yang kadar2 pembayaran gaji dalam sektor awam hendak-lah menurut paras2 yang sa-wajar-nya bagi membolehkan kakitangan2 Kerajaan di-berikan ganjaran yang sachukup-nya, jika di-tilek dari segi keperluan yang berterusan untok mendatangkan tenaga2 dan pakar2 yang tertentu dari luar negeri dan juga memandangkan kapada paras2 pembayaran gaji yang terdapat di-rantau ini dan kalangan antara bangsa. Dalam tahun ini gaji2 bulan dan hari serta alaon2 untok semua tingkatan pekerja2 Kerajaan telah di-ulangkaji dan kenaikan2 telah di-berikan yang mulai di-kuatkuasakan pada 1hb. Januari, 1980. Di-samping itu pula satu sekim pemberian bonus telah di-perkenalkan untok peringkat pertengahan dan peringkat bawahan Perkhidmatan Kerajaan sa-bagai tambahan kapada pembayaran penchen2 dan baksis2. Faedah2 dari kenaikan2 sedemikian tidak-lah di-perkechilkan oleh sa-barang bentok perchukaian Kerajaan.

Lembaga Matawang Brunei terus berjalan dengan jaya-nya dan jumlah matawang yang dalam peredaran masa ini kira2 sa-banyak $150.7 juta. Menurut kuatkuasa undang2 Lembaga ini ada-lah di-kehendaki untok mengekalkan satu Kumpolan Wang Simpanan yang berjumlah 110% dari tanggong2 permintaan. Pada 31hb Disember 1979

Lihat muka 8

*OLEH kerana ekspot minyak dan gas dan peri nilai-nya tinggi pada masa ini, maka terdapat-lah satu lebehan Imbangan Perdagangan yang sunggoh mengkagumkan dan tidak-lah perlu untok menghadkan kemasokan barang2 impot atas sebab2 ekonomi.*

*DENGAN bersandarkan kapada chuchoran rahmat yang bersumber dari kekayaan asli yang paling di-hargai di-dunia dewasa ini, maka ekonomi negara kita sentiasa dalam keadaan selesa dan sudah sa-memang-nya-lah terus membangun.*

# intisari RTB minggu ini





## MELODI UNTOK MU

SA-BUAH ranchangan hiboran "Melodi Untok Mu" akan di-siarkan pada malam hari Krismas. Ranchangan ini akan mempersembahkan permainan Yamaha Electone Organ oleh Dayang Pansy Chong, dengan alunan musik yang baru dan lama, saperti Potong Padi, Dahi! Saiyu, Desifinado dan juga beberapa alunan musik khas untok Hari Krismas. Dayang Pansy bekas penuntut Sekolah Misi St. Angela ada-lah seorang pelajar musik yang aktif dan pernah mengambil bahagian di-dalam ranchangan radio bahagian Melayu "Dari sekolah ka-sekolah".

Selepas menamatkan sekolah-nya, Dayang Pansy melanjutkan pelajaran-nya dan mengambil kursus Latehan Perguruan di-Sekolah Yamaha Electone di-Singapura, dan sesudah menamatkan kursus kembali ka-Brunei untok mengajar musik. Sekarang dia mengendalikan sekolah-nya sendiri, yang terletak di-Bandar Seri Begawan. Ini-lah pertama kali dia akan tampil di-kacha talivishen.

Juga akan menunjokkan bakat-nya sebagai seorang juruachara ia-lah seorang pendatang baru, Dayang Saemah Haji Abdi Manaf. Dy. Saemah seorang penuntut Sekolah Inggeris Berakas pernah menjadi tetamu undangan di-dalam ranchangan "Anekaria RTB" yang di-terbitkan oleh Idris Anwar.

Jangan lupa untok menyaksikan ranchangan yang julong2 kali di-jayakan oleh dua orang wanita muda. Ranchangan ini akan di-siarkan pada hari Khamis esok 25hb. Disember, 1980 pada jam 9.45 minit malam.



BAHAGIAN Melayu Radio Brunei telah membuat siaran sa-chara langsong mengenai dengan Istiadat pembukaan rasmi bagi musim permashuaratan ke-18 Majlis Mashuarat Negeri pada 16hb Disember, 1980 bertempat di-Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

Kelihatan di-dalam gambar Ak Sulaiman Pg Haji Tuah (berdiri di-sebelah kanan sekali) bertugas selaku Juru-achara Majlis dan berdiri di-belakang beliau ia-lah Ali Haji Aji kelihatan sedang memberikan laporan di-pekarangan Bangunan Dewan Majlis, sementara yang di-tugaskan untok memberi laporan di-dalam Dewan Majlis ia-lah Imran Mohd Yusof.

## SERIKANDI

Puan2 sekalian, dalam ranchangan Serikandi minggu lalu kita telah dapat mengikuti penerangan dari Datin Siti Hajar berkenaan dengan peratoran makan ubat, dan minggu ini pula puan2 akan dapat mengikuti satu tajok menarek dalam sudut kesihatan yang khas untok ibu2 yang mengandong terutama ibu2 muda.

Untok itu, kita akan dapat mengikuti penerangan oleh Sister Hjh. Hadizah Hj. Hassan ia-itu sa-orang Ketua Jururawat, Rumah Sakit Umom.

Di-samping itu, puan akan dapat juga mengiku petekan penggambara wakil kami di-majlis p meran urusan ruma tangga anjoran Persatua PERTIWI Brunei d pertunjokan bunga2 hidu oleh Perkumpolan W. Brunei.

Dalam sudut tunjo chara pula, puan2 akan d pat mengikuti Dy. Siti D ra Hj. Md. Yusof dala gubahan bunga dan akh sekali mengenai deng feshen pakaian pada ma ini.

# RANCHANGAN TVP DARI 29HB DIS. HINGGA 4HB JAN.

### ISNIN — 29HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 246
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, PEKERJAAN SENDIRI, 'SI-MANIS, AMIN, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.

Minggu ini SI-MANIS berpesan kapada kawan2-nya supaya dudok diam2 dan dengar bila guru sedang menerangkan tentang pelajaran.

Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan "Ayer Mata Duyong".

### SELASA — 30HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 247
Di-dalam ranchangan ini pula Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti PA' LONG, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, BERSENAM, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI.

Di-SIRI PERMULAAN Chegu Sa'diah akan membachakan buku bertajok "Muzik".

### RABU — 31HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 248.
Ranchangan kita seterus-nya Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, NAIK KUDA DAN HALAMAN BERCHERITA DAN SAPERTI BIASA DI-AKHIRI DENGAN CHERMIN SAKTI.

Kanak2 dan Chegu Sa'diah akan NAIK KUDA dan berlakon membuat apa yang kanak2 selalu lakukan apabila bangun pagi.

Di-sudut HALAMAN BERCHERITA pula Chegu Sa'diah akan memperkenalkan Chegu Rokiah, ia-itu Chegu baru kelas Kap Kap Udang. Chegu Rokiah akan bercherita berkenaan dengan "Buaya Puteh".

### KHAMIS — 1HB JAN, 1981

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 249
Saperti biasa ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, MAIN KIM, AMINAH, MAIN BELON, KAJIAN SEMULA JADI DAN CHERMIN SAKTI.

Dalam ruangan MAIN KIM Chegu Rokiah akan menunjokkan benda2 yang kanak2 gunakan di-sekolah.

KAJIAN SEMULA JADI Chegu Rokiah akan menunjokkan binatang2 dengan anak2 mereka.

### JUMAAT — 2HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 250
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Rokiah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKON, TEKA BENDA, BERMAIN BOLA, DI-MANA TEMPAT-NYA, RUANGAN BINATANG DAN CHERMIN SAKTI.

Di-ruangan berlakun Chegu Rokiah dan kanak2 akan berlakun sa-bagai anjing, kuching, burong dan ikan. Bagi ruangan TEKA BENDA pula Chegu Rokiah akan menggunakan benda2 yang Chegu Rokiah gunakan di-dalam ruangan MAIN KIM.

### SABTU — 3HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 251
Ranchangan seterus-nya Chegu Rokiah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, AMIN, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI. Hari ini Chegu Rokiah akan bercherita darihal sa-ekor Singa yang menjadi Raja Dalam Hutan.

### AHAD — 4HB JAN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 252
Di-dalam ranchangan kali ini telah di-muatkan dengan aktiviti2 saperti BERMAIN MUZIK, PAPAN HIKMAT, MAIN KERUSI, GAMBAR DAN SEBUTAN, HALAMAN BERCHERITA dan saperti biasa di-akhiri dengan CHERMIN SAKTI.

Untok GAMBAR DAN SEBUTAN, Chegu Rokiah akan menggunakan benda2 yang bermula dengan huruf 'N' dan 'O'. Di-HALAMAN BERCHERITA pula Chegu Rokiah akan bercherita tentang si-KUMBANG.

# *Resipi Masakan Minggu Ini*

## *— Paf Kari*

**Bahan2-nya :**

**Kulit-Pasteri kelopak**

8 oz tepong
6 oz lemak pasteri
1 sudu teh rata garam
½ sudu teh ayer lemon
4 sudu besar ayer sejok
1 biji telor

**Isi-nya :**

½ kati daging kisar
1 biji ubi kentang-potong dadu kechil2
½ sudu sedang serbok kari
½ biji bawang besar-chenchang halus
garam sa-chukop-nya
1 sudu besar minyak

**Menyediakan isi daging**

1. Panaskan minyak, tumiskan bawang
2. Masokan rempah kari, tumis perlahan sa-hingga bangkit bau-nya.
3. Masokan daging dan sedikit ayer. Biarka mendideh perlahan2.
4. Masokan ubi kentang, kachau rata2. Ma sak sa-hingga empok.
5. Masokan perasa2 yang perlu. Sejokkan.

**Chara membuat-nya :**

1. Ayak tepong dan garam ka-dalam mang kok besar.
2. Potong lemak kapada kepingan2 kasar da champorkan rata2 dengan tepong.
3. Masokan ayer dan ayer lemon, gaulkan dengan pisau pelepah untok menyatukan adonan.
4. Bentokkan adonan persegi bujor di-atas papan chanai, chanaikan perlahan2 sa-hingga menjadi panjang.
5. Pesteri itu di-lipatkan tiga, chanaikan lagi. Ulang dua kali atau sa-hingga lemak-nya hilang.
6. Chanai pasteri saperti biasa, terapkan bulat2 atau potong empat persegi.
7. Letakkan inti-nya, tutop pasteri dan lekat-kan tepi-nya.
8. Sapu telor di-atas-nya dan bakar di-dalam oven yang panas — 450°F/No. 8.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

### RABU — 24HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD — "The Batman"
5.30 THE NEW SCHMOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS — "Children of the Revolution"
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 THE FRIENDS OF MY FRIENDS — sambongan
6.30 DR. WHO — S5A No. 3

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO
7.36 AZAN ISHA
7.40 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI
9.00 MAJALLAH BRUNEI
9.20 THE WAR YEAR — Ep. 18 "The Battle of Germany" Pt. 1
10.00 PAT BOONE SPECIAL
11.00 TAYANGAN GAMBAR TV: "A Christmas to Remember"
12.30 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 25HB DIS.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.01 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.11 SUSUNAN RANCHANGAN
2.14 5TH INTERNATIONAL FESTIVAL OF MONTE CARLO CIRCUS.
2.55 QUINCY'S QUEST
4.28 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE NEW TOM AND JERRY SHOW
6.21 AZAN MAGHRIB
6.25 THE NEW TOM AND JERRY SHOW — sambongan
6.30 THE TOMORROW'S PEOPLE — "Medusa Strain"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ABBA IN CONCERT
7.36 AZAN ISHA
7.40 ABBA IN CONCERT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 QUEEN'S CHRISTMAS MESSAGE
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 MELODI UNTOKMU
10.15 SOME MOTHERS DO 'AVE EM
11.00 FROM HERE TO ETERNITY (Siri baru)
11.40 OSMOND BROTHERS SPECIAL
12.30 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 26HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SONG BOOK
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE "Chimpmates" Ep. 1 Jika monyet menjadi tetamu, tentu-lah membingongkan.
5.15 KID POWER
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BIG FOOT AND WILD BOY
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 BIG FOOT AND WILD BOY — sambongan
6.30 THE MUPPET SHOW — "Brooke Shields"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DONNIE AND MARIE SHOW 1979
7.39 AZAN ISHA
7.43 DONNIE AND MARIE SHOW 1979 — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ZAINI DAN GILLEN SHOW
9.00 SOAP (Siri baru) Kesah2 pertelingkahan dan jenaka dari dua kumpolan keluarga yang selalu menimbulkan keriaan dalam pergaulan mereka.
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 HAWAII FIVE O — "The Man In The Steel Frame" McGarrett "terperangkap" dengan tudohan membunoh teman wanita-nya!
11.10 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 27HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE THING
6.24 AZAN MAGHRIB



SIRI komidi baru berjodol 'SOAP' dengan pelakun2-nya dari kiri, Billy Crystal (Jodie), Richard Mulligan (Burt Campbell) dan Rebecca Badding (Carol). Siri ini akan di-tayangkan pada hari Jumaat jam 9.00 malam.



PAT Boone dan keluarga-nya akan mendendangkan persembahan2 mereka dalam ranchangan hiboran "Pat Boone Special" pada malam ini.

6.28 THE THING — sambongan
6.30 BEWITCHED — "Darrin On A Pedestal" Kerana mempermainkan Serena, Darrin telah di-tukar menjadi batu.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FOUNDATION
7.39 AZAN ISHA
7.43 THE FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SERIKANDI
9.20 TAYANGAN FILEM MELAYU "Insan" (Shaw Brothers) Pelakun2: Siput Sarawak, Omar Rojik, Ahmad Mahmood, Saadiah, Latiffah Omar.
11.10 Dokumentari "CITIES"; George Plimpton's New York Pengarang Paris Review akan membawa kita meneroka bandaraya New York.
12.00 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 28HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DON'T JUST SIT THERE
5.30 CAPTAIN CAVEMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURES — "Flash the Sheepdog" Kesah pengambaraan sa-orang anak yatim piatu Inggeris dengan anjing-nya sa-hingga mereka sampai ka-sempadan Scotland.
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE DUKE OF HAZZARD
7.39 AZAN ISHA
4.73 THE DUKE OF HAZZARD — — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 GEORGE AND MILDRED
9.00 BINTANG UNDANGAN
9.50 TINKER TAILOR SOLDIER SPY — Ep. 3 Ketiga Guillam memberkas Circus, Smiley menchari kawan lama-nya di-Oxford.
10.40 ARMCHAIR THRILLER — "A Dog's Ransom" Episod 1
11.10 SIARAN TAMAT

### ISNIN — 29HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN
5.30 WORZEL GUMMIDGE (Siri baru)
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 HERE'S BOOMER — "Boomer" ia-lah sa-ekor anjing jinak dan "peramah" tetapi tidak suka menetap lama di-satu2 tempat.
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 HERE'S BOOMER — sambongan
6.30 JASON OF STAR COMMAND

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS — "Vendetta"
7.39 AZAN ISHA
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MINDER
9.40 DOKUMENTARI: "The Guinea Pig Club"
10.30 WARSHIP: "Someone, Somewhere" Surat dari Holt selalu-nya tidak menggembirakan sementara Zoe pula di-tudoh sa-bagai sa-orang perusoh.
11.10 SIARAN TAMAT.

### SELASA — 30HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HECKLE AND JECKLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CARTOON
6.24 AZAN MAGHRIB
6.28 CARTOON — sambongan
6.30 THE JACKSONS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT — "The Eyes of Love" Pt. 2.
7.39 AZAN ISHA
7.43 THE LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN — "Liputan Berita Sokan Sa-panjang Tahun"
9.30 BIG MOVIE — "Mary Queen of Scots"
11.30 BILLY LIAR
12.00 SIARAN TAMAT.



# KOMPLEKS SEKOLAH MENENGAH DAERAH TEMBURONG

TEMBURONG. — Bagi menampong keperluan2 penuntut di-perengkat menengah yang ketika ini bertumpu ka-pusat2 pendidekan di-ibu negeri, ia-nya di-jangka akan dapat di-atasi apabila sa-buah kompleks sekolah menengah yang menelan belanja berjuta-juta ringgit akan di-bangunkan.

Sekolah menengah yang akan di-dirikan di-kawasan Pekan Bangar Baru itu merupakan projek perkembangan pelajaran bagi Daerah Temburong di-bawah Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun 1980-1984.

Kompleks bangunan itu apabila siap nanti di-jangka boleh menempatkan kira2 sa-ribu orang penuntut dari tingkatan satu hingga ka-tingkatan empat dan lima yang baru di-perkenalkan.

Demikian telah di-tegaskan oleh Penyelia Sekolah2 Daerah Temburong bagi pehak Jabatan Pelajaran, Awang Ibrahim bin Abdullah ketika beruchap di-majlis penyampaian hadiah2 terbaik Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Puni pada hari Rabu lalu.

Menurut Awang Ibrahim, kompleks tersebut akan di-lengkapkan dengan berbagai-bagai kemudahan termasok asrama, dewan besar dan sa-buah padang permainan.

Pembenaan rumah guru yang terdiri dari dua buah rumah pangsa mempunyai 24 bilek akan di-bangunkan dalam usaha menampong perumahan tenaga2 pengajar yang di-datangkan dari daerah2 lain.

Dalam meninggikan taraf bangunan2 sekolah yang ketika ini maseh terdapat bangunan2 sementara, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran berusaha berperengkat-perengkat menggantikan dengan bangunan yang kekal. Ini terbokti, jelas Awang Ibrahim dengan terbena-nya sa-buah bangunan baru bagi Sekolah Rendah Melayu Selangan yang menelan belanja tidak kurang dari $480 ribu dan di-jangka akan dapat di-gunakan pada awal persekolahan tahun 1981.

Sementara itu, sa-buah bangunan kekal bagi menggantikan bangunan sementara Sekolah Rendah Melayu Negalang juga menerima perubahan bila bangunan itu telah dapat di-gunakan pada tahun ini.

Terdahulu dari itu, beliau mengingatkan kapada pelajar2 yang menerima hadiah2 kepujian supaya jangan menodai nama baik mereka dengan perbuatan2 yang merosakkan imej mereka.

Sementara itu peyampaian hadiah kepujian yang sama bagi 60 orang pelajar sekolah2 rendah di-Daerah Belait telah juga berlangsong di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muhamad Alam di-Seria baru2 ini.

Hadiah2 tersebut di-berikan kapada pelajar2 daripada 28 buah Sekolah Rendah Melayu Persediaan Inggeris dan Sekolah2 China dan Misi.

Awang Sandy Livingstone, Penasihat Hubongan2 Perdagangan Sharikat itu di-dalam uchapan-nya menjelaskan yang hadiah2 Shell mula di-berikan sejak tahun 1950an dan selain daripada sumbangan ini, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad ada juga memberikan dermasiswa2 kapada pelajar2 untok melanjutkan pelajaran mereka di-seberang laut.

Hadhir dan seterus-nya memberikan uchapan di-majlis pada pagi itu ia-lah Penyelia Sekolah2 Daerah Belait, Pengiran Haji Besar Pg Haji Ahmad.

Kelihatan salah sa-orang penuntut Sekolah Melayu Pusar Ulak dari 178 orang yang terpileh sa-bagai penuntut terbaik sedang menerima sijil serta hadiah kepujian pelajaran yang telah di-sumbangkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah di-sampaikan oleh Pegawai Perhubongan Awam, BSP Dayang Siti Radiah bte Mohd Yusof yang telah di-adakan di-dewan sekolah tersebut pada hari Rabu 10hb Disember yang lalu, —gambar atas manakala gambar bawah — Awang Sandy Livingstone menyampaikan hadiah kepujian tersebut kapada salah sa-orang murid yang terpileh.



# LEMBAGA MATAWANG TERUS BERJALAN DGN JAYA-NYA

Dari muka 5

jumlah ini telah di-lebehi dan di-sepanjang tahun 1980 sa-jumlah $10.6 juta telah di-bayar masok kadalam kira2 hasil Kerajaan.

Untok menyambut kedatangan tahun Hijrah 1400 duit2 shiling khas bermutu peruf telah di-buat. Duit2 shiling dari logam emas, perak dan kupro-nikel ini telah banyak menarek minat para pemungut duit2 shiling dan terkechuali sa-bahagian kechil duit2 shiling perak telah terjual dalam beberapa hari sahaja.

### Minyak dan gas

Pada ketika yang sama di-tahun lalu saya telah memaalomkan kapada Ahli2 Yang Berhormat yang saya meramalkan bahawa pada 31hb Disember 1980 baki yang terdapat pada sa-belah keridit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan akan berjumlah kira2 sa-banyak B$12,082 juta. Dalam pada itu, kian terbukti yang Hasil yang di-perolehi melebehi dari apa yang telah saya anggarkan itu dan Perbelanjaan pula agak lebeh rendah dan sekarang nampak-nya pada penutop tahun ini baki yang terdapat dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan akan berjumlah B$13,228 juta.

Kenaikan dalam harga2 tenaga dan kejayaan2 yang sedang di-chapai dalam perusahaan2 Minyak dan Gas sudah sa-patutnya menjamin pendapatan hasil yang bertambah di-tahun 1981 dan juga saya meramalkan bahawa jumlah keseluruhan hasil yang akan di-terima ia-lah kurang-lebeh sa-banyak B$7,560 juta. Dari jumlah ini, Perbelanjaan ada-lah di-anggarkan sa-banyak B$1,342 juta yang demikian akan memberikan satu lebehan hasil sa-banyak B$6,218 juta. Satu sumbangan sa-banyak B$215 juta akan di-buat kapada Kumpolan Wang Kemajuan yang demikian lebehan berseh akan menjadi B$6003 juta. Pada 31hb Disember 1981 baki yang terdapat dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan sa-harus-nya-lah berjumlah B$19,231 juta.

Kedudokan kewangan Negeri Brunei ada-lah istimewa sekali kuat-nya dan tiada-lah terdapat sa-barang masaalah dalam Belanjawan Negara. Namun demikian hal-nya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan sentiasa menyedari yang kekayaan negeri ini mesti-lah di-pergunakan dan di-uruskan dengan chara yang dapat mempastikan faedah2 yang maksima akan boleh di-salorkan kapada raayat serta penduduk negeri ini.

### Jawatankuasa

Satu Jawatankuasa yang terdiri dari Ahli2 Yang Berhormat dalam Persidangan ini telah di-serahkan tugas untok menyusun belanjawan perbelanjaan dengan chara meneliti permohonan2 yang di-hadapkan oleh Jabatan-jabatan yang membelanjakan-nya. Saya ingin memberikan pujian saya terhadap ketelitian Jawatankuasa itu pada melaksanakan tugas yang menghasilkan Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 1981 itu. Anggaran2 ini sedang di-bentangkan di-atas meja sa-bagai Kertas Persidangan Bil: 1 yang merupakan asas bagi Rang Undang2 Perbekalan.

### Pertahanan

Perbelanjaan yang di-anggarkan sa-chara menyeluroh menunjokkan satu pertambahan sa-banyak 25.88% melebehi perbelanjaan di-tahun lalu. Pertambahan ini, pada sa-bahagian besar-nya, ada-lah di-sebabkan oleh satu kenaikan gaji kakitangan, bayaran2 tambahan bagi barang2 dan perkhidmatan2 yang di-impot akibat dari keadaan inflasi di-seluroh dunia, dan oleh usaha2 yang berterusan pada memperluaskan lagi bilangan perkhidmatan2 Kerajaan. Dasar pada membiayai perkhidmatan kemudahan2 orang ramai menerusi hasil dan perbelanjaan terus di-kekalkan. Ada terdapat bayaran2 yang meningkat naik yang di-sebabkan oleh usaha2 memperluaskan serta mempermodenkan perkhidmatan2 dan meskipun hal ini pada sa-bahagian-nya dapat di-imbangi oleh hasil2 yang di-pungut, namun demikian usaha2 tersebut maseh di-berikan subsidi2 yang banyak.

### Kemudahan sosial

Di-samping itu pula Kerajaan terus memberikan kemudahan2 kesihatan, pelajaran, perkhidmatan sosial yang termasok pencen2, sokan dan juga perkhidmatan2 saperti Radio dan Talivishen yang tanpa di-kenakan sa-barang bayaran. Dalam bidang2 yang lain di-mana bayaran2 telah di-naikkan bagi maksud2 pengawalan kadar2 bayaran yang di-kenakan maseh tidak berubah sejak beberapa tahun yang lalu dan berikutan-nya kenaikan2 bayaran ada-lah sangat rendah di-bandingkan dengan yang terdapat di-luar negeri.

Keselamatan negeri menghendaki bahagian yang besar dalam belanjawan. Askar Melayu Diraja Brunei beserta dengan chawangan2 Laut dan Udara-nya, Pas...

Lihat muka 11

# Taraf dan kelulusan terbaik belum lagi terchapai

GADONG. — Pusat Tingkatan Enam, sejak ia-nya di-tubohkan dalam tahun 1975, boleh di-katakan telah maju sa-tapak demi sa-tapak dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pelajaran menghantar ramai penuntut2 aliran Melayu dan Inggeris kaseberang laut untok melanjutkan pelajaran mereka.

"Sunggoh-pun demikian, kalau di-perinchi, khusus-nya di-segi akademik, taraf kelulusan yang terbaik belum lagi terchapai."

Demikian telah di-tegaskan oleh Pemangku Pengetua Pusat Tingkatan Enam, Awang Janin bin Erih di-Upachara Hari Pelajar Pusat tersebut pada hari Rabu lalu, 10hb Disember, 1980.

Pemangku Pengetua Pusat tersebut juga menekankan bahawa matalamat bagi menchapai taraf kelulusan yang terbaik hanya akan berhasil dengan ada-nya kesedaran dari penuntut2 sendiri serta tidak menyalah-gunakan segala kemudahan2 yang di-sediakan di-pusat tersebut.

Sa-lain dari itu, Pemangku Pengetua juga menegaskan bahawa untok menchapai matalamat tersebut, kerjasama yang rapat antara pensharah2, ibu-bapa, dan penuntut2 ada-lah sangat di-perlukan.

Untok itu, kata-nya lagi ibu-bapa ada-lah di-harapkan supaya sedia datang ka-pusat itu bukan sahaja hanya apabila sa-suatu masa'alah timbul, tetapi juga datang untok berbual tentang kemajuan anak2 mereka bagi mengatasi segala rintangan dan salah faham.

"Galakan dan dorongan ibu-bapa ada-lah penting dalam mengwujudkan penuntut2 yang berdisiplin dan bertanggong-jawab serta dedikasi," jelah Awang Janin.

Di-majlis pada pagi itu saramai 12 orang penuntut terbaik dalam bidang pelajaran telah menerima hadiah dan tiga orang yang lain-nya memenangi hadiah peraduan fotografi anjoran pusat tersebut.

Di-samping itu ia-nya juga di-serikan dengan pameran2 dari jabatan2 kerajaan saperti Pasokan AMDB, Pulis Diraja, Bomba dan Pejabat Pos dan pameran2 dari kegiatan2 penuntut2 ia-itu saperti lukisan dan batek, buku2 yang berbentok sejarah, ilmu alam, sain dan lain2 lagi.

Hadiah2 kapada penuntut2 terbaik telah di-sampaikan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad.



# Memelihara dan memuliakan Masjid

BILANGAN masjid dan balai2 ibadat di-negeri kita ini kian banyak bertambah bilangan-nya. Perkara ini ada-lah berkat usaha yang gigih yang di-usahakan oleh kerajaan dan orang ramai yang sangat2 mengambil berat mengenai seruan2 Ugama Islam.

Dalam beberapa tahun ini beberapa buah masjid telah di-ranchang dan di-laksnakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan hasrat bagi memberikan kemudahan kapada orang2 Islam untok beramal ibadat kapada Allah dengan chara yang lebeh baik dan sempurna.

Usaha2 yang sa-demikian itu patut-lah mendapat penghargaan dari orang2 Islam sendiri akan usaha2 kerajaan pada membanyakkan bangunan2 tersebut di-seluroh negeri dan mengambil berat tentang perkembangan Ugama Islam dan kemajuan di-negara Brunei Darussalam yang sama2 kita kasehi.

Masjid di-bena dengan harga yang tinggi, ia ada-lah lambang keta'atan orang2 Islam kapada Allah dan kapada Ugama Islam di-perlengkapkan dengan alat2 yang chukop dengan kemudahan2 yang sesuai dengan kehendak masjid sa-bagai salah sa-buah tempat ibadat yang suchi supaya kita dapat menekmati akan nekmat2 Allah yang di-korniakan-Nya kapada negara kita ini.

Masjid ada-lah sa-buah tempat yang mulia, tempat orang2 Islam beribadat kapada Allah dengan penoh jujor dan ikhlas sa-mata2 kerana Allah. Dan juga ia merupakan lambang shi'ar kemuliaan Ugama Islam yang wajib di-pelihara dan di-jaga dengan baik oleh sa-tiap orang Islam sa-bagaimana yang pernah di-sebutkan oleh salah sa-buah hadith Nabi s.a.w. yang kira2 bermaksud:

*"Masjid itu ia-lah rumah Allah bagi sa-tiap orang yang takwa dan akan di-pelihara oleh Allah orang2 yang menjadikan masjid itu sa-bagai rumah dengan mengorniakan kesenangan dan rahmat dan kemudahan berjalan di-atas titian As-Siratal Mustaqim hingga sampai ka-shorga".*

Hendak-lah kita ingat bahawa masjid itu ia-lah rumah Allah, maka segala harta benda-nya yang ada di-dalam masjid itu hendak-lah di-pelihara dengan baik supaya ia sentiasa di-pandang chantek, kemas dan terator serta di-hormati oleh sa-genap lapisan masharakat di-negeri ini ia-itu sesuai dengan kehendak hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud:

*Sesunggoh-nya Allah Ta'ala itu elok, Ia sukakan keelokan.*

Dari keterangan hadith di-atas dapat-lah di-ertikan bahawa memelihara keindahan itu dalam sa-genap perkara ada-lah sangat2 di-tuntut oleh ugama. Maka dengan ini-lah apa yang yakin saya serukan kapada tuan2 supaya akan menjaga dan memelihara harta benda masjid dari di-pindahkan dari tempat2-nya apa-tah lagi mengangkut-nya untok di-jadikan milek kepunyaan sendiri untok hiasan rumah. Kalau sakira-nya ada niat yang sa-demikian burok itu haruslah di-singkirkan dari diri kita, kerana perbuatan yang sa-demikian itu bukan dari sifat dan perbuatan orang2 Islam yang sa-benar, malahan ia ada-lah sifat orang yang di-pengarohi oleh tipu daya shaitan.

Ada-lah mustahak bagi orang2 Islam tahu menghargai akan nekmat2 Allah yang di-berikan-Nya kapada kita, dan nekmat2 Allah itu wajib di-pelihara dengan segala penoh kehormatan tulus ikhlas sesuai dengan kehendak2 ajaran Islam yang maha suchi. Orang2 Islam di-suroh berterima kaseh kapada Allah atas segala nekmat yang di-berikan-Nya sa-lama ini tanpa menyulitkan dan menyusahkan mana2 pehak yang lain.

Maka bersempena dengan hari Jumaat yang mulia ini, saya berseru kapada kaum muslimin supaya akan sama2 menjaga kehormatan masjid dan memelihara harta benda-nya dengan baik ia-itu sesuai dengan ajaran2 yang di-amanahkan kapada kita yang menyuroh kita memuliakan masjid "Rumah Allah" tempat beribadat jua kapada-Nya.

# Majlis Khatamal Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kedatangan Awal Tahun Hijrah 1401 walau pun bulan-nya telah berlalu namun sambutan2 meraikan-nya maseh di-adakan di-seluroh negeri dengan berbagai2 achara keugamaan.

Salah satu achara sambutan sempena Tahun Hijrah kurun ke-15 itu ia-lah Majlis Khatamal Kor-an bagi 19 orang pelajar2 puteri Sekolah Ugama Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang telah berlangsong di-Dewan sekolah tersebut pada hari Sabtu lalu di-sini.

Tetamu kehormat di-majlis itu ia-lah isteri Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Datin Hajjah Yokmas.

Majlis khatam telah di-dahului dengan bachaan Fatihah beramai2 yang telah di-ketuai oleh Datin Hajjah Kamaliah binte Muhammad Fadzullah Suhaimi, isteri Mufti Kerajaan Brunei.

Sa-terus-nya majlis telah di-mulakan dengan bachaan Surah Adh-Dhuha oleh Dayang Norjarah binte Haji Liudin. Majlis tersebut juga telah di-serikan dengan dzikir Marhaban oleh penuntut2 puteri sekolah tersebut.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Salim bin Haji Besar serta pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama. Doa selamat telah di-bachakan oleh Ustaz Haji Hashim bin Johar.



SA-BAHAGIAN dari pelajar2 puteri sekolah tersebut yang menyertai majlis Khatamal Kor'an pada hari Sabtu lepas.

# AMALAN SEDEKAH

**O Bingkisan minggu ini**

HIDUP yang tidak merugi, sa-lain di-sertai oleh iman, ia-lah hidup yang selalu dengan amal salih ia-itu mengerjakan kebajikan, melakukan perbuatan2 yang membawa kapada kebaikan, ia-lah perbuatan2 yang berguna bagi masharakat atau manusia pada umom-nya. Di-namakan ia-nya amal salih atau kebajikan itu ia-lah bila sa-bahagian daripada tenaga atau harta kekayaan yang kita dapati itu di-berikan kapada orang ramai atau masharakat yang memerlukan-nya. Perbuatan2 ini ada-lah amalan sedekah, di-mana amalan ini sangat2-lah di-galakkan oleh Ugama Islam dan ia-nya ada-lah satu prinsip yang menunjokkan bahawa Islam itu ada-lah satu ugama perpaduan.

Harta kekayaan itu memang sukar di-chari, tetapi jika ia mendatang, kadang-kadang berlimpah-limpah, sa-hingga tidak terduga banyak-nya. Kerana harta yang berlebeh-lebehan itu, kerapkali manusia sering lupa kapada daratan bak saperti kata orang "Bila sampai katempat yang tinggi rumput di-bumi tak nampak lagi" dan akhir-nya dia akan terus hanyut di-bawa oleh ombak kemewahan . . .

Di-sebabkan ini-lah, Allah s.w.t. telah menganjorkan kapada manusia, supaya membelanjakan harta dan kekayaan itu pada jalan2 yang di-redhai-Nya, tetapi, bukan-lah maksud Allah s.w.t. itu menyuroh hamba2-nya membelanjakan harta2-nya sa-chara berhabis-habisan hingga menjadikan mereka itu sendiri miskin dan papa. Dan, apa yang di-perintahkan oleh Allah s.w.t. ia-lah sa-tiap hamba-hamba-nya yang ada mempunyai sedikit kelebehan dari harta-nya dia di-galakkan bersedekah atau membahagikan harta-nya kapada orang2 yang berhajat dari golongan fakir dan miskin serta anak2 yatim, sa-terus-nya kapada orang2 yang berhak menerima-nya. Dengan ada-nya amalan sedekah, maka bertambah erat-lah lagi tali silaturrahim di-antara sa-orang muslim yang kaya dengan sa-orang muslim yag kurang bernasib baik, dan dengan itu terbit-lah satu suasana yang harmoni di-dalam sa-sebuah masharakat Islam.

Amalan sedekah juga menunjokkan kapada kita bahawa sedekah itu memboktikan betapa kukoh-nya iman sa-seorang insan terhadap Tuhan-nya. Di-dalam Al-Kor'an Al-Karim ada terdapat banyak ayat yang menyanjong orang2 yang bersedekah atau yang menunaikan ibadat zakat-nya, dan di-antara ayat2 tersebut bermaksud yakni dalam surah Yusuf : 88

*"Sa-sunggoh-nya Allah membalas jasa orang2 yang bersedekah."*

Dari sini kita wajib-lah memahami, betapa kaseh-nya Allah s.w.t. itu kapada hamba2-nya yang patoh menunaikan perintah-Nya. Sa-sunggoh-nya, kalau-lah ada perasaan yang menganggap, sa-bagai satu kerugian atau membazir akan amalan bersedekah, maka anggapan tersebut ada-lah meleset dan salah sama sa-kali. Sedekah yang kita keluarkan ada-lah ibarat benih2 yang kita tanam di-hari ini, di-mana hasil daripada-nya akan dapat kita nekmati di-masa muka.

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24hb Disember, 1980 hingga ka-hari Selasa 30hb Disember, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 25hb Dis | 12.26 | 3.45 | 6.21 | 7.36 | 4.52 | 5.07 | 6.25 |
| 26hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 27hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 28hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 29hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 30hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Sambutan Maulud sa-rentak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu sambutan sa-chara besar2an bagi memperingati Maulud Nabi Muhammad s.a.w. akan di-adakan sa-rentak seluroh negeri dengan achara kemunchak-nya perhimpunan dan perarakan pada 12hb. Rabbi'el Awal, 1401 Hijrah.

Demikian yang telah di-putuskan dalam satu mashuarat yang di-adakan di-bilek persidangan Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri baru2 ini.

Mashuarat yang di-pengerusikan oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu juga telah memileh thema untok sambutan tahun ini "BERAZAM MEMPERTAHANKAN KESUCHIAN ISLAM".

Untok memeriahkan lagi sambutan tersebut pegawai2 jabatan2 kerajaan, pendudok2 kampong, persatuan2 belia, dan kebajikan, sharikat2 swasta, sekolah2, maktab2 dan pelajar2 kelas dewasa ada-lah di-pelawa menyertai perarakan2 yang akan di-adakan di-ka-empat2 daerah. Borang2 penyertaan dan keterangan lanjut boleh di-dapati mulai sekarang daripada:— Pengerusi Bersama, Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w., Tingkat Dua, Bilek 301, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan kapada alamat tersebut tidak lewat dari 5hb. Januari, 1981 jam 3.30 petang.

# Permohonan tambang haji

Borang2 permohonan bagi pegawai2 kerajaan yang berhak mendapat pengorniaan tambang untok menunaikan haji bagi musim haji 1981/1401 hendak-lah menghantar-nya melalui Ketua Jabatan masing2.

Permohonan2 tersebut hendak-lah sampai ka-Pejabat Setiausaha Kerajaan tidak lewat dari 31hb Januari 1981 (bukan 1hb Januari, 1981 saperti yang di-laporkan dalam Pelita Brunei keluaran 17hb Disember 1980) — Pengarang.

# MASA'ALAH MASTAUTIN

**HENDAK-LAH di-ketahui bahawa sembahyang fardhu yang lima itu wajib di-kerjakan oleh tiap2 orang laki2 yang mukallaf dan perempuan yang mukallaf yang suchi dari haidh dan nifas, walau di-mana jua ia berada. Sembahyang itu mempunyai rukun2 dan sharat2 yang tertentu sa-bagaimana yang telah di-tafsirkan (di-detilkan) dalam kitab2 feqah.**

## WAJIB BERJEMAAH

Tetapi apabila orang2 laki2 yang mukallaf itu berhimpun dan bermukim di-satu tempat (tiada belayar dan tiada uzor) maka wajib di-atas orang2 laki2 mukallaf itu menunaikan sembahyang lima waktu itu dengan berjemaah ia-itu sa-orang daripada mereka menjadi imam dan yang lain menjadi makmum (mengikut sembahyang di-belakang-nya) dan hendak-lah di-dirikan jemaah itu di-dalam kawasan (tempat) mereka bermukim.

Dan wajib-lah di-adakan suatu tempat yang bebas sa-kira2 orang ramai boleh datang berhimpun ka-tempat itu dengan bebas dan tiada apa2 gangguan, tegahan, malu dan segan saperti bangunan surau atau bangunan balai raya atau rumah yang bebas untok berjemaah.

Menunaikan sembahyang fardhu yang lima itu adalah tanggongan orang perseorangan (fardhu 'ain) yang mesti dan wajib tiap2 orang mukallaf menyempurnakan-nya mengikut sharat2-nya, sementara menunaikan sembahyang fardhu dengan berjemaah itu ada-lah tanggongan orang yang hidup dalam satu2 kumpolan atau masharakat dan yang bermukim (tiada berlayar dan tiada uzor).

## BERJEMAAH: FARDHU KIFAYAH

Sa-kira-nya tiada sasiapa yang mendirikan jemaah dari orang2 yang berhimpun di-satu2 tempat itu maka berdosa-lah sekalian orang2 itu. Tetapi apabila sa-bahagian daripada mereka itu mendirikan sembahyang fardhu yang lima dengan berjemaah maka gugor-lah tuntutan berjemaah daripada orang lain yang ada dalam kumpolan atau masharakat itu. Erti-nya berjemaah itu di-sini adalah fardhu kifayah, sama ada kumpolan itu bermukim kerana menanam padi atau menuai-nya, penuntut2 yang sedang melanjutkan pelajaran; penjual2, pekerja (orang makan gaji yang berpindah dari tempat ka-satu tempat) adalah di-namakan mereka itu orang bermukim bukan bermastautin. **Ada pun maksud bermastautin itu ia-lah diam dalam kampong atau pekan atau bandar dan menjadikan tempat itu tempat tumpah darah dan mati hidup-nya di-situ.**

Boleh di-lakukan (terhasil) jemaah itu dengan sa-orang menjadi imam dan sa-orang menjadi makmum. Ada pun perempuan, mereka itu berjemaah di-masjid atau di-luar rumah-nya.

## JUMA'AT

Ada pun sembahyang Juma'at, mempunyai sharat2 yang tertentu sa-bagai tambahan di-atas sharat2 sembahyang yang biasa.

Maka orang yang wajib sembahyang Juma'at itu ia-lah orang laki2 baligh, berakal, Islam, merdeheka (bukan hamba), ia sehat, ia bermukim di-tempat mengadakan Juma'at atau mendengar suara azan Juma'at dan tiada mempunyai uzor jemaah.

## ERTI MASTAUTIN

Di-samping itu perlu di-ketahui bahawa tempat2 di-mana Juma'at itu wajib di-dirikan hendak-lah berjumlah empat puloh orang yang kesemua-nya bermastautin termasok imam-nya.

Erti bermastautin ia-itu tempat itu di-jadikan tempat tinggal dengan tiada niat hendak berpindah dari situ sama ada musim panas atau musim sejok saperti orang2 kampong yang menjadikan kampong itu tempat tinggal dan diam dengan tiada azam hendak

**Siri ke-59**

pindah ka-tempat lain, di-kechualikan kerana ada sasuatu hajat dan urusan saperti berniaga dan menziarahi saudara mara, atau bersekolah atau bekerja menchari kehidupan (walau bagaimana pun ia berazam hendak balek sa-mula ka-kampong asal-nya apabila selesai atau terchapai hajat2-nya).

**Sa-bagai chontoh khemah Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas, ada menempatkan satu kawasan di-mana pendudok2-nya tiada kekal diam dan tetap tinggal di-tempat itu, dan tiada menjadikan tempat itu kampong halaman-nya. Yang tinggal dan diam dan bermukim di-situ hanya-lah askar, kerani, pekerja2, pelayan2 dan tukang masak yang makan gaji di-situ, sa-telah tamat tempoh makan gaji mereka itu tiada lagi di-benarkan tinggal di-situ. Azam mereka itu untok tinggal di-situ hanya-lah sa-lama makan gaji dan akan balek ka-tempat asal atau lain2 tempat apabila tamat perkhidmatan-nya.**

Oleh yang demikian maka khemah askar di-Berakas tiada boleh di-katakan tempat bermastautin bagi askar2, kerani2, pekerja2, pelayan2 dan tukang2 masak di-khemah itu, khemah ini dapat di-bandingkan dengan estate2 dan ladang2 getah, dan ladang kelapa sawit yang mempunyai pekerja2 yang makan gaji bermukim di-situ. Mereka itu di-namakan orang bermukim bukan orang bermastautin.

Orang2 yang bermukim di-sesuatu tempat, apabila ia mendengar suara azan (bang) Juma'at (bukan dari radio atau talivishen) dari suatu kampong atau dari pekan atau dari bandar, maka wajib orang bermukim itu pergi bersembahyang Juma'at dari tempat mana suara azan itu sampai kapada-nya. Oleh itu, askar dan lain2 yang bermukim di-khemah Berakas itu apabila sampai suara azan Juma'at dari kampong2 yang berdekatan dengan khemah mereka itu maka wajib-lah mereka itu menunaikan sembahyang Jumaa't.

*WALLAHU A'ALAM*

**Ada pun maksud bermastautin itu ia-lah diam dalam kampong atau pekan atau bandar dan menjadikan tempat itu tempat tumpah darah dan mati hidup-nya di-situ.**

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti [illegible]



KELIHATAN pelajar2 puteri Sekolah Ugama Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang telah mengikuti majlis Khatamal Kor'an sekolah tersebut baru2 ini.

# KESELAMATAN NEGARA PERLUKAN BAHAGIAN BESAR DALAM BELANJAWAN NEGARA

Dari muka 8

Polis Di-Raja Brunei dan Battalion Askar Gurkha merangkum kira2 34% dari jumlah Perbelanjaan Perbekalan. Bagaimana pun, kebanyakan dari perbelanjaan ini ada-lah berthabit dengan bangunan2 dan kerja2 modal lain yang tidak berulang-ulang. Penguntokan bagi perbelanjaan yang sa-demikian menekankan lagi peri kuat-nya keazaman Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan untok membolehkan Negeri ini untok membangun dan berkembang tanpa sabarang kekhuatiran terhadap anasir2 subversif.

**Diplomatik**

Satu butiran Perbelanjaan baru ia-lah mengenai dengan penubohan satu Perkhidmatan Diplomatik. Ini ia-lah buat persediaan menjelang-nya tahun 1984, di-kala mana Negeri Brunei akan sa-penoh-nya bertanggong-jawab terhadap pengurusan hal ehwal luar negeri-nya. Jabatan ini, sa-chara berperingkat-peringkat, akan mengambil aleh tanggong-jawab terhadap Pejabat2 Perwakilan di-seberang laut yang terdapat pada masa ini.

Tahun 1980 merupakan tahun yang pertama bagi Ranchangan Kemajuan Lima Tahun yang baru. Sa-bagaimana yang pada mula-nya di-jangkakan Ranchangan tersebut menyediakan peruntokan bagi projek2 yang harga-nya berjumlah B$1,700 juta tetapi dalam tahun itu Ranchangan ini telah di-kaji sa-mula dan sekarang jumlah harga2 ranchangan ia-lah sa-banyak B$2,000 juta. Jumlah ini melebehi keupayaan Negeri ini untok membelanjakan-nya dalam tempoh sa-lama lima tahun, dan ia ada-lah merupakan jumlah perbelanjaan Kemajuan untok tempoh yang kurang lebeh sa-puloh tahun, menurut kadar perbelanjaan yang terdapat masa ini. Bagaimana pun, ada-lah perlu untok meranchang jauh kehadapan demi untok membolehkan perbelanja-an sedemikian itu di-kekalkan pada paras optima dalam jangka waktu yang panjang. Perlaksanaan ranchangan yang tidak menentu sa-kali sa-kala memunchak kemudian jauh menurun, akan memberikan kesan yang burok keatas ekonomi negara.



AHLI2 Yang Berhormat yang di-lantek ketika menghadhiri istiadat perasmian majlis tersebut di-Dewan Majlis.

*MATALAMAT utama Ranchangan Kemajuan Negara ia-lah untok memperbaiki lagi kehidupan ekonomi, sosial dan kebudayaan raayat serta pendudok Negeri Brunei.*

Matalamat utama Ranchangan Kemajuan Negara ia-lah untok memperbaiki lagi kehidupan ekonomi, sosial dan kebudayaan raayat serta pendudok Negeri Brunei. Ia di-maksudkan untok menchapai satu paras guna-tenaga yang tinggi, untok memperaneka-jenis-kan ekonomi menerusi perkembangan sumber2 asli dalam jurusan Pertanian, Kehutanan dan Perikanan dan ada-lah di-harapkan ekonomi negara akan menchapai kadar pertumbohan yang sa-kurang2-nya sa-banyak 6% sa-tahun.

**Perbelanjaan**

Perbelanjaan Kemajuan di-sa-panjang tahun 1980 di-jangka akan berjumlah sa-banyak B$207.5 juta dan baki yang terdapat di-sebelah keridit Kira2 Kumpolan Wang Kemajuan pada 31hb Disember 1980 sa-harus-nya-lah berjumlah kurang lebeh B$168.9 juta. Perbelanjaan yang di-anggarkan di-sepanjang tahun 1981 berjumlah B$369.4 juta dan oleh yang demikian satu sumbangan sa-banyak B$215 juta sedang di-buat daripada Hasil. Hal ini sa-harus-nya akan meninggalkan satu baki dalam Kumpolan Wang pada penghujong tahun 1981 yang jumlah-nya sa-banyak B$14.5 juta.

**Anggaran hasil**

Butir2 mengenai dengan perbelanjaan Kemajuan yang di-chadangkan di-sa-panjang tahun 1981, di-muatkan dalam Anggaran2 Hasil dan Perbelanja-an yang di-bentangkan di-atas meja dalam majlis ini sebagai sa-bahagian dari Kertas Bil: 1 tahun 1980.

Perbelanjaan di-sa-panjang tahun 1980 ada-lah jauh lebeh rendah dari yang telah di-anggarkan. Dalam beberapa hal, perlaksanaan ranchangan2 tidak-lah terchapai sa-bagaimana yang telah di-chita2kan dalam mana kerja2 permulaan bagi memileh tapak-benaan yang sesuai dan kerja mereka-bentok bangunan telah memakan masa yang jauh lebeh lama dari yang di-jangkakan. Namun begitu, kemajuan yang besar telah dapat di-chapai.

Rumah sakit baru di-Kiulap mulai berbentok, dengan siap-nya kerja2 tanah yang di-jalankan, dan kontrek2 bagi benaan atas untok bangunan2 utama rumah sakit tersebut telah pun di-tandatangani. Rumah sakit yang terletak di-satu kawasan yang sunggoh luas itu apabila siap nanti ia akan merupakan satu daripada rumah2 sakit yang terbaik di-rantau ini. Di-samping itu pula, pembenaan sa-buah rumah sakit dan bangunan2 tambahan di-Bangar sedang di-berikan keutamaan dalam ranchangan2 untok Daerah tersebut.

Pembenaan jalan tepi laut dari Muara hingga ka-Tutong sedang berjalan dengan lanchar meskipun kesulitan2 di-alami di-bahagian sa-belah Jerudong-Tutong projek tersebut. Dengan siap-nya jalanraya tersebut maka kesibokan2 lalu-lintas yang sa-makin bertambah di-antara Bandar Seri Begawan dan Tutong akan dapat di-kurangkan. Jalan simpang Seria pada masa ini sedang dalam peringkat pengukuran dan meskipun ia akan memakan masa sa-lama kira2 3-4 tahun untok di-siapkan, namun ia akan dapat melegakan kesesakan yang di-sebabkan oleh lalu-lintas langsong di-Seria.

**Di-perluaskan**

Bangsal kapalterbang di-Lapanganterbang Antara-bangsa yang berkeupayaan untok menempatkan sa-buah kapalterbang jenis Boeing 747 pada dzahir-nya telah pun siap di-bena, dan ruang2 pejabat yang merupakan satu bahagian pelengkap seluroh benaan tersebut telah pun di-isikan oleh Penerbangan Di-Raja Brunei.

Dermaga di-Pelabohan Muara sedang di-perluaskan lagi sa-panjang 600 kaki dan satu Gudang tambahan sedang di-dirikan. Kerja2 yang di-jalankan pada masa ini ada-lah dalam peringkat reka-bentok. Kerja2 pembaikan bagi Terusan Masok dan kerja2 pelindongan tepi pantai telah pun di-siapkan tahun ini.

Lebeh banyak sekolah lagi sedang di-bena. Ini termasok-lah sekolah menengah di-Sungai Kebun, dan sekolah2 rendah untok memenohi keperluan2 Jabatan Pelajaran dan Ugama di-semua daerah negeri ini.

Rangkaian perhubongan talikom sentiasa di-usahakan supaya bertambah baik lagi. Panggilan talipon sa-chara langsong ka-negeri2 di-seberang-laut sekarang telah dapat di-lakukan menerusi perantaraan sa-buah satelait. Ibu Sawat Mumong telah di-lancharkan di-tahun ini, dan tujoh buah Ibu Sawat lagi akan di-bena, yang mana ini akan menambah keupayaan sistem hubongan talipon menjadi 50,000 talian.

Penggunaan bekalan ayer yang sentiasa bertambah memerlukan supaya sistem2 pembekalan di-adakan di-kedua-dua batang sungai Tutong dan Belait. Penggunaan ayer ada-lah jauh lebeh banyak dari yang di-jangkakan apabila ranchangan2 asal di-rekabentok dahulu dan ranchangan2 bagi mengadakan bekalan2 tambahan sedang berjalan dengan lanchar.

*RUMAH sakit yang terletak di-satu kawasan yang sunggoh luas itu apabila siap nanti ia akan merupakan satu daripada rumah2 sakit yang terbaik di-rantau ini. Di-samping itu pula, pembenaan sa-buah rumah sakit dan bangunan2 tambahan di-Bangar sedang di-berikan keutamaan dalam ranchangan2 untok Daerah tersebut.*

Kerja2 benaan-bawah untok Stadium Negara telah pun di-siapkan dan kontrek bagi benaan atas-nya telah pun di-siapkan. Stadium tersebut yang mungkin menjadi satu bangunan lambang kemegahan negeri ini akan menyediakan kemudahan2 yang sebaik2-nya untok semua olahragawan2, ahli2 sokan dan begitu juga untok para penonton.

Pelaksanaan projek Penanaman Padi di-Kampong Panchor Murai/Wasan telah berjalan dengan agak lanchar juga, tetapi bagaimana pun untok meningkatkan lagi penghasilan bahan makanan yang paling mustahak ini maka bantuan pakar2 dari luar negeri sedang di-usahakan.

Tiga blok Pejabat2 Kerajaan yang baru sedang di-ranchangkan di-tapak bena Lapanganterbang lama, yang mana bangunan2 tersebut akan memberikan kemudahan kapada Jabatan2 Kerajaan yang pada masa ini di-tempatkan di-bangunan2 yang berchera-berai, serta keadaan-nya tidak memuaskan. Kontrek bagi satu blok bangunan telah pun di-

Lihat muka 14

## 2 Pegawai AMDB ka-S'pura

BERAKAS. — Dua orang pegawai dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas ka-Singapura pada hari Ithnin depan, 29hb. Disember bagi menghadhiri kursus asas penerbangan sa-lama sa-bulan di-Sekolah Latehan Komando di-republik itu.

Mereka ia-lah 136 Lt. Ibrahim bin Ahmad dari Battalion Pertama, dan 494955 Major Pitchers dari Pusat Latehan. Kursus tersebut akan bermula pada 5hb. Januari depan.

Sementara itu, lapan orang lagi anggota dari pasokan itu akan mengikuti kursus bahasa Inggeris Seberang laut, di-Sekolah Bahasa Tentera, Buckinghamshire, United Kingdom, sa-lama 18 minggu bermula pada 5hb. depan.

Mereka ia-lah 4048 Sgt Diris bin Ahmad, 4129 Sgt Abdul Hamid bin Md. Daud, 4243 Sgt Hardi bin Abdullah, 5605 Cpl Yusainey bin Abdullah, 5746 Cpl Aziz bin Abdullah, 5869 Cpl Zaini bin Besar, 5013 Cpl Duraman bin Hj. Momin dan 5293 Cpl Mahari bin Hj. Karim. Mereka akan berlepas ka-United Kingdom pada 3hb. Januari, 1981.

## Pepereksaan L.C.C London

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan2 kini sedang di-buat bagi mengadakan Peperiksaan City and Guilds of London Institute dalam beberapa perkara yang tertentu, bulan Mei-Jun tahun depan.

Chalun2 persekolahan yang ingin mendudoki pepereksaan tersebut boleh mendapatkan borang2 permohonan daripada pengetua2 dari; Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal, Jalan Muara, Pusat Latehan Teknikal, Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-Kuala Belait dan melalui Ketua Jabatan Latehan Sekolah Pertukangan Vokeshenal, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Pepereksaan itu juga terbuka kapada chalun2 persendirian. Borang permohonan bagi chalun2 persendirian boleh di-dapati di-Pejabat Lembaga Pepereksaan di-ibu negeri hingga 10hb. Januari, 1981.

Bayaran pepereksaan sa-chara wang tunai atau chek, hendak-lah di-buat ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan.

Borang2 yang sudah di-isi, berserta dengan surat pengakuan dari City and Guilds of London Institute, jika ada, hendak-lah sampai di-Pejabat Lembaga Pepereksaan tidak lewat dari 10hb. Januari, 1981. Permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.



MASING2 pemain dari Pasokan Kampong Pasai ini sa-berapa daya menggunakan pengalaman mereka dalam bahagian ber-gurau berpasokan.

## BELIA DAN SOKAN

### LUMBA MOTORSIKAL BERHALANGAN

SERIA. — Sa-ramai 17 orang penunggang moto-sikal sekali lagi telah chu-ba menchuba kehandalan masing2 dalam perlumba-an motorsikal berhalangan di-gelanggang perlumba-an Anduki di-sini.

Perlumbaan tersebut ada-lah merupakan satu ke-giatan yang sering di-an-jorkan oleh Kelab Motor Diraja Brunei dan terbuka kapada pelumba2 tempat-an dan juga negara jiran.

Dalam perlumbaan yang baru di-adakan ia-nya me-ngandongi tiga bahagian.

Perlumbaan pertama tu-joh pusingan tempat per-tama telah di-menangi oleh Awang Ernest See. Beliau juga telah meme-nangi perlumbaan terbuka lima pusingan.

Sementara itu perlumba-an khas 1980 yang juga mengandongi lima pusing-an ia-nya telah di-menangi oleh Awang Marani Lidi.

Satu lagi perlumbaan yang sama akan di-lang-songkan pada 2 haribulan bulan depan di-tempat yang sama.

# Silayun menangi perlawanan akhir gasing

SENGKURONG. — Paso-kan Kampong Silayun Je-rudong telah munchol menjadi johan dalam per-lawanan akhir gasing yang di-adakan di-Kampong Pa-sai di-sini minggu lalu.

Sa-banyak enam pasokan yang mengandongi 15 orang pemain bagi sa-tiap pasokan telah mengambil bahagian. Tempat kedua telah di-menangi oleh Pasokan Kampong Kilanas manakala pasokan tuan rumah (Kampong Pasai) hanya berjaya mendudoki tempat ketiga.

Perlawanan tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Maj-lis Belia-Belia Brunei dan di-kendalikan oleh Persa-tuan Kebajikan Kampong Sengkurong sempena hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun.

Dengan kemenangan ter-sebut Pasokan Kampong Silayun Jerudong telah berjaya menjadi pemegang piala rebutan yang di-hadiahkan oleh pehak pe-nganjor manakala Pasokan Kampong Kilanas berjaya memegang piala rebutan dari Awang Haji Yussof bin Daud.

Pasokan Kampong Pa-sai sunggoh pun men-dudoki tempat ketiga te-tapi salah sa-orang dari pemain-nya, Awang Sa-lim bin Haji Saleh telah berjaya membuat permain-an yang paling lama sa-panjang permainan. Dia telah memenangi hadiah rebutan yang di-sumbang-kan oleh Awang Haji Abdul Latif bin Moham-mad.

**BERGURAU**

Dalam bahagian ber-gurau bagi mereka yang berumor 50 tahun ka-atas, sa-banyak sembilan orang peserta telah me-nyertai-nya.

Bahagian tersebut telah di-menangi oleh Awang Haji Bangok bin Haji Ta-hir dari Kampong Jeru-dong, kedua Awang Lisa bin Momin dari Kampong Sengkurong dan ketiga Awang Ahad dari Kam-pong Kilanas.

Hadiah2 dalam perla-wanan tersebut telah di-sampaikan oleh Pesuroh-jaya Tanah Negeri Brunei, Awang Haji Muhammad bin Haji Saruddin.



AWANG Buang Haji Talip dari Pasokan Kampong Tanjong Bunut sedang chuba memelu gasing pasokan lawan dalam bahagian berpelu berpasokan.



KETUA Pasokan Kampong Kilanas yang memenangi tempat kedua Awang Hidup bin Mo-hammad sedang menerima hadiah dari Pesurohjaya Tanah.

## Kursus jurulateh b-sepak anjoran BAFA

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Persatuan Bola-sepak Amatur Negeri Brunei akan menganjor-kan satu kursus jurulateh bolasepak yang terbuka kapada sekolah2 dan per-satuan2 yang bergabong dengan BAFA.

Kursus yang akan di-jalankan di-seluroh negeri itu ada-lah di-selenggara-kan dengan kerjasama dari Pejabat Pelajaran Brunei.

Borang2 penyertaan se-karang boleh di-perolehi dari Awang Haji Moham-mad Yussof bin Bakar di-Bandar Seri Begawan, Pe-ngiran Suhaimi bin Pe-ngiran Wahid di-Tutong, Awang Ismail bin Apong di-Kuala Belait dan Awg Amit bin Momin di-Tem-burong.

Borang2 tersebut hen-dak-lah di-kembalikan ti-dak lewat dari hujong bulan ini.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Hiboran pilehan; 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI: 12.00 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00 — Serbanika hiboran — Azan isha; 7.30 — Hiboran pilehan; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30—Apa pilehan awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Apa pilehan awda (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30—Salam mesra (SU). T/HARI: 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitrawar; 1.30 — Mari Menyanyi; PETANG: 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; 6.09 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib — Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00 — Tafsir Al-Koran — Azan isha; 7.30 — Bimbingan dari Al-Koran; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan diudara; 10.30 — Dari Kampong ka-Kampong; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. T/HARI: 12.00—Lagu2 dakwah; 12.15—Bachaan Al-Koran; 12.30—Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG: 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda;

## APA PILEHAN AWDA

PEMINAT2 ranchangan hiboran Apa Pilehan Awda minggu ini akan dihiborkan dengan lagu2 pilehan peserta dari daerah Tutong ia-itu Dayang Serigandi bte Idris.

Lagu2 pilehan Dayang Serigandi akan ka-udara pada malam ini jam 9.30 malam dan ulangan-nya akan dapat awda ikuti, esok, jam 8.30 pagi.

## SABTU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sunitngan hidayat/Peringatan harian; 7.30 — Pada hemat saya; 8.00—Soalan di-udara; 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia Peristiwa (SU); 10.30—Serbanika hiboran (SU); 11.00 — Focus radio (SU); 11.30 — Berdendang dengan ku. T/HARI: 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. PETANG: 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran selingan — Azan fardhu dzohor; 3.30 Cherpen dan selokan-nya; 4.00 — Chitra irama; 4.30 — Mutiara asli (SU); 5.00 — Rampaian Peristiwa dunia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.09 — Menunaikan sembahyang maghrib — Bingkisan hari ini—Lagu dakwah. MALAM: 7.00 — Dari kampong ka-kampong (SU) — Azan fardhu isha; 7.30 — Mutiara gambus (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Drama dalam shear (SU); 9.00 — Hiboran pilehan; 9.30 — Titian budaya; 9.45 — Senandong malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 —Bachaan ayat suchi Al-Koran; 10.20 — Doa restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Doktor Radio; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — pancharagam Tempatan; 11.00 — Permintaan dua station. T/HARI: 12.00 — Sandiwara radio; Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB; 1.45 — Pilehan instrumental. PETANG: 2.00Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan olahraga; 4.15 — Drama dalam shaer; 4.45 — Pilehan juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Tuntunan zikir diradio; 6.09 — Mununaikan sembahyang fardhu maghrib, Bingkisan hari ini, Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00 — Suara parajurit, Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Lagu; 9.00 — Tunas pendidek; 9.30 — Permintaan lagu lama; 10.00—Tanda Wakta dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayat; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 10.20 — Dao restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Petikan dari filem (SU); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 —Berdendang dengan ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 1130 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI: 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Siri makkadam, Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00 — Penyanyi harapan; 7.30 — Lagu2 dakwah; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra iama (SU); 9.00 — Pertanian dan perikanan; 9.30—Mutiara asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 10.20 — restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Autograph pendengar (SU); 11.00 — Doktor Radio (SU); 11.30 — Salam mesra; T/HARI: 12.00—Hiboran rampaian tengah hari, Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan Salam. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu ditamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam, Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00—Ruangan ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Pencharagam (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 24; 11.15 — Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announceemnt — We Wish You A Merry Christmas — a request programme presented by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — The Pleasure of Your Company (Xmas Edition) presented by Born Williams produced by Viviyanti Ali; 10.15 — Fifteen-Minute Theatre: "Command Performance" by Allan Wells; 10.30 — Christmas Dance Party by Sheikh Abbas; 11.30 — Christmas Carols; 12.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Locval News; 7.15 — Christmas Morning Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Christmas at Children's Corner produced by Veronica Shim; 11.45 — Wishing You a Merry Christmas (side 1). NOON: 12.00 — The Best of Clithere "Double Trobule" (Xmas edition). PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — Hello! Merry Christmas — a request by Telephone programme presented by Veronica Shim and Jaafar Yaakub; 2.00 — This Is Abba — Programme 2; 3.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Sixty-Minute Theatre: "Father Christmas" by J. C. W. Brook; 9.00 — Christmas greetings from Nashville Side 1; 9.15 — News — followed by the Queen's Christmas Message; 9.30 — My Christmas by Evelyn Samuel; 10.00 All Our Christmasses; 10.45 — Dance Music by Sheikh Abbas; 11.30 — The Sound of Christmas; 12.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announceemnt — The Gunter Kallmann Choir Side 1; 11.15 — My Christmas by Evelyn Samuel; 11.45 — Light Music From The Netherland. NOON: 12.00 — Radioscope by Vivianti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound; 1.15 — World or Education; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30—Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Women's World; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Sweet And Stylish. PM: 12.30 — News; 12.45—Lunch Break by Asha Devaraj; 1.00 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Ak Hisamuddin; 9.00 — Room at the Top; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — All for the Blind by Jaafar Yaakub. NOON: 12.00 — Children's Half Hour by Veronica Shim. PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Saki — The Playboy of the Week-end World; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — ABBA — Side 1 of 1 (repeat); 8.15 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Ak Hisamuddin; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00—Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 25; 11.15 — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Ja'afar Yaakub; 1.15—Brunei Tourists In London; 1.30—Close Down. 8.00—Opening Announcement—With Great Pleasure — Kenneth More; 8.30 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special. NOON: 12.00 — Doctor At Large. PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — International Hits Made in Germany; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Stereo Pop Special "Mike Oldfield (Part 2) Side 2; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — English Examined; Prog. 25 (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saki — The Playboy of the Week-end World, Pt. 2; (repeat); 10.00 — Close Down.

# Perusahaan2 tertentu di-sektor swasta di-beri taraf perintis

Dari muka 11

berikan dan yang lain2-nya sedang dalam peringkat rekabentok.

Dalam sektor swasta pula, beberapa buah perusahaan yang tertentu telah di-berikan taraf perintis di-bawah sharat2 Undang2 Galakan Pelaboran 1975. Ini termasok-lah Perkhidmatan2 Penyediaan Penerbangan, Kilang Simen, Kilang Pembuat Tail Dinding Aluminium, Kilang Ubat2an, Kilang Besi dan sa-buah Sharikat bagi Penghasilan Bahan2 Kimia untok Perusahaan Minyak dan Gas.

### Ternakan lembu

Lain2 perusahaan yang telah di-dirikan atau yang telah di-chadangkan termasok-lah sa-buah Kilang Pembotolan Minuman Ringan, Loji Pasang Perusahaan, sa-buah Ladang Minyak Kelapa Sawit, Kompleks Pemeliharaan Ikan dan Udang dan Ladang2 Ubi Kayu dan Minyak Jarak. Di-samping itu projek Ternakan Lembu yang di-rintis oleh Sharikat Mitsubishi telah bertapak maju. Projek ini di-kelolakan dan di-laksanakan dengan kerjasama Jabatan Pertanian.

Sa-lain perusahaan2 yang di-sebutkan tadi, yang mana kewangan-nya di-sediakan oleh perusahaan itu sendiri, Lembaga Kemajuan Ekonomi telah terus memberikan pinjaman2 modal kapada perniagaan2 yang sa-chara kechil2an dan sederhana. Pengusaha2 sedemikian tidak dapat memperolehi pinjaman2 pada kadar2 faedah yang berpatutan dari lain2 sumber kewangan, sedangkan di-bawah ranchangan ini mereka dapat mendirikan atau pun memperluaskan perniagaan2 mereka, yang mana dapat memberikan perkhidmatan yang berguna kapada orang ramai. Pinjaman2 biasa-nya di-hadkan kapada jumlah maksima sa-banyak B$250,000.00 dan modal2 tersebut telah pun di-gunakan dalam bidang2 saperti Pengangkutan (Perahu2 Tambang, Kereta2 Teksi dan Bas), Perumahan, Kedai2 Borong dan Runchit, Kedai2 Roti, Ladang2 Sago, Steshen2 Minya, Kilang2 Papan, Kerja-kerja Perchetakan, Perahu2 Penangkap Ikan, Ternakan Ayam, Kebun Sayor dan sa-bagai-nya.

### Penginapan

Masaalah kekurangan tempat2 penginapan hotel akan dapat di-legakan dengan pembukaan sa-buah hotel baru, yang di-bena menurut taraf antarabangsa, dan akan di-uruskan mengikut taraf yang sedemikian.

Dalam tinjauan peramba yang sengkat ini YAM Pengiran Speakar peramba telah menchuba untok memberikan suatu gambaran kapada Ahli2 Yang Berhormat mengenai dengan langkah2 yang sedang giat di-jalankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan untok mengekalkan kesejahteraan raayat serta pendudok negeri ini. Masaalah2 yang sedang kita hadapi ia-lah pada usaha mempergunakan kekayaan negeri ini demi kebajikan yang sa-baik2-nya untok raayat, dan pada mempastikan yang kekayaan2 ini juga akan di-pelihara demi kepentingan jenerasi2 yang akan datang.

Kita jangan saja pandai menanam beneh dan kemudian membiarkan-nya begitu saja. Beneh2 tersebut mesti-lah di-pelihara dengan baik, di-bajai dan di-sirami supaya ia dapat bertumboh dengan subor hingga kemudian nanti ia pula akan membuah hasil untok di-petik dan di-nikmati oleh anak chu-chu-chichit kita pula. Menurut chara yang sama, perbelanjaan dan penjimatan kita di-hari ini serta penanaman modal kita baik di-dalam mahu pun di-luar negeri, mesti-lah di-susun sedemikian rupa supaya faedah-faedah-nya bukan sahaja dapat di-nikmati sekarang, tetapi juga akan bertambah dengan sa-banyak2-nya untok di-hari esok. Saya berharap dalam perbahasan dan pertimbangan yang akan kita buat kita akan dapat memboktikan yang kita berkemampuan untok memegang amanah yang di-letakkan di-atas bahu kita semua.



ANTARA jemputan2 khas yang hadhir di-Istiadat Perasmian Majlis Mashuarat Negeri kali ke-18 pada hari Selesa lepas.

# HARI PELAJAR TERUS DI-ADAKAN

BERAKAS. — Sekolah2 Rendah, Persediaan Inggeris, Menengah dan Maktab2 di-seluroh negeri telah melangsongkan Temasha Hari Pelajar sejak aktiviti tersebut telah di-rasmikan pada pertengahan bulan Julai tahun ini yang mengambil thema 'Pelajaran Raayat Merupakan Kekayaan Negara Sa-Benar-nya'. Sambutan2 terus di-adakan hingga menjelang chuti persekolahan penggal ketiga yang telah pun bermula pada hari Selasa lalu.

Antara beberapa buah sekolah yang mengadakan Hari Pelajar-nya sa-panjang minggu lalu termasok-lah Sekolah Inggeris Berakas. Tetamu khas yang telah beruchap di-temasha itu ia-lah Pegawai Pertanian Kanan, Dr Morni bin Othman.

Majlis pagi itu termasok-lah penyampaian hadiah2 terbaik kapada penuntut2 yang mendapat keputusan terbaik dalam pepereksaan S.P.R.B./B.G.C.E. tahun lalu.

Di-Tutong penuntut2 Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah menyambut Hari Pelajar mereka pada 18hb Disember lalu. Temasha itu telah di-rasmikan oleh Awang Selamat bin Munap, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei.

Antara achara yang terkandong dalam temasha itu ia-lah upachara penyampaian hadiah kapada penuntut2 terbaik dalam pepereksaan Brunei Cambridge Peringkat Biasa dan Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei yang di-sampaikan oleh Awg. Hj. Bolhassan bin Hj. Mohd Jair, Kadhi Daerah Tutong, dan penyampaian hadiah penuntut-penuntut terbaik tahun 1980 oleh Penghulu Abang bin Sahat.

Temasha Hari Pelajar bagi sekolah itu juga di-serikan dengan persembahan tarian asli Brunei, diklamasi sajak dan nyanyian oleh pasokan pancharagam tentera Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, dan Pameran di-dalam berbagai mata-pelajaran di-bilek2 darjah.

Di-sebelah malam-nya, satu cheramah khas yang bertajok "Peranan ibu-bapa terhadap pelajaran anak2 mereka" telah di-adakan. Ia-nya di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Hj. Md. Yusof bin Pengiran Hj. Abd. Rahim.

Sementara itu, Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai di-ibu negeri juga telah mengadakan sambutan yang serupa pada hari Sabtu lalu.

Ia-nya di-isikan dengan uchapan dari Guru Besar sekolah tersebut, Awg. Bahar bin Ahmad. Penyampaian hadiah kapada murid2 terbaik dalam bahagian ugama dan seksi kebudayaan juga di-adakan. Murid terbaik dalam bahagian ugama ia-lah Dyg. Siti Fatimah bte Hj. Md. Ja'afar. Temasha hari itu juga di-serikan dengan persembahan tarian dan nyanyian serta pertandingan sokan kechil oleh murid2 sekolah tersebut.

Antara yang hadhir di-temasha Hari Pelajar sekolah itu ia-lah Penyelia Sekolah2 Rendah Brunei, Penolong Penguasa Sekolah Rendah, Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, guru2 dan ibu-bapa murid2. Sekolah Rendah Melayu Tanah Jambu turut melangsongkan temasha Hari Pelajar-nya pada hari Jumaat lalu.

Antara achara temasha pada hari itu termasok-lah uchapan2 oleh Guru Besar, Awang Bolhassan bin Haji Abdul Rahman dan Pengerusi Jawatan-kuasa Sekolah, Awg. Nordin bin Penglima Haji Taha.

Di-samping itu juga di-adakan pertunjokan hasil kerjatangan dan hasil pertanian orang2 kampong dan satu pameran kempen keselamatan jalan-raya bahagian lalu-lintas Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Kemunchak Hari Pelajar pagi itu ia-lah majlis penyampaian hadiah2 kapada penuntut-penuntut terbaik dan sijil pelajaran ugama sekolah tersebut.

Sa-belah petang temasha itu telah di-meriahkan dengan sokan padang termasok persembahan pancharagam dari Sekolah Inggeris Berakas.

Maktab Anthony Abell di-Seria telah meraikan hari pelajar-nya dengan mengadakan beberapa achara yang menarek baru2 ini.

Upachara yang bermula di-dewan maktab sekolah itu di-isikan dengan uchapan2 daripada Awg Suyoi bin Othman, pengetua dan daripada YB Haji Malai Mashore Haji Malai Damit, salah sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri serta pertunjokan2 pentas daripada pelajar2 maktab tersebut.

Turut hadhir pada pagi itu termasok-lah Awg Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerja-sama.



Dr Morni menyampaikan hadiah kapada salah sa-orang penuntut sekolah tersebut.



PARA pelawat memerhatikan sa-bahagian daripada hasil tangan yang di-buat oleh penuntut2 maktab tersebut.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PENOLONG PEGAWAI MENGUASAI LALU LINTAS

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sebagai Penolong Pegawai Yang Menguasai Lalu Lintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 mesti-lah (a) mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) Brunei Cambridge atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab atau Fizik, (b) faseh bertutor dan menulis dalam Bahasa Inggeris, (c) berumor antara 18 hingga 25 tahun dan, (d) mempunyai darjah kesehatan yang memenohi sharat2 ICAO bagi Pegawai2 kawalan Terafik Udara. Sa-baik2-nya mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal2 penerbangan. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Lanjutan).

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Peluang Kenaikan Pangkat :**

Chalon2 yang berjaya akan di-lantek dalam perchubaan selama tiga tahun dan di-kehendaki lulus pepereksaan jabatan sebelum di-tetapkan dalam jawatan mereka dalam perjawatan tetap. Peluang yang baik terbuka kapada mrereka untok di-naikkan pangkat ka-perengkat Pegawai lalu-lintas Udara yang akan meliputi latehan seberang laut dan latehan penerbangan sebagai juruterbang hingga ka-perengkat Private Pilot Licence.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb. Januari, 1981.

(E/868/72)
(Bil : 182/1980.

## Sa-bagai Juru Mekanik Aquarium

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Juru Mekanik Aquarium Tingkatan Khas di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah pernah menjalani latehan Sekolah Pertukangan dan di-ikuti dengan latehan aperantis yang di-akui dalam bidang jentera/letrik khusus-nya dalam kerja2 membuat/menyenggara pam2 yang di-jalankan oleh kuasa letrik. Chalon2 mesti-lah mempunyai pengalaman selama 3 tahun selanjut-nya mengendalikan pam2 sedemikian, jentera2 penyejok, dan lain2. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-atas tetapi mempunyai sekurang2 5 tahun pengalaman mengendalikan pam2 sedemikian, jentera2 penyejok, dan lain2-nya akan juga di-pertimbangkan. Chalon2 mesti-lah berkebolehan menjaga rekod2 dan jadual2 teknikal serta mengerti dan boleh menjalankan kerja mengikut buku2 (instruction manuals) dan buku2 panduan (service manuals) ada-lah di-mestikan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki menyelia, menjaga dan memperbaiki kerja2 dan alat2 kelengkapan teknikal di-Aquarium Hassanal Bolkiah. Ia juga di-kehendaki memasang alat2 kelengkapan baru.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini Satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb. Januari, 1981.

(E/93/80)
(Bil : 184/1980)

## Sa-bagai Jurutayang dan Pemandu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Jurutayang/Pemandu di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Bahagian Penerangan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei aliran Inggeris atau Melayu atau yang sebanding dengan-nya dan berumor ti-dak kurang 18 tahun. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam kerja2 menjalankan mesin2 wayang gambar serta mempunyai lesen memandu kelas III sekurang2-nya sa-lama tiga tahun. Pemohon2 yang berjaya mesti-lah ber-sedia untok berkhidmat sa-chara menetap di-Daerah Temburong atau Tutong.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Januari, 1981.

(E/223/75)
(Bil : 174/1980)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR THE MANAGEMENT OF THE ROYAL BRUNEI POLO CLUB RESTAURANT AND PROVISION STORE — JERUDONG PARK

TENDERS are invited for the management of the Royal Brunei Polo Club Restaurant and Provision Store at Jerudong Park.

The tender is for a period of 3 years commencing on 1st January 1981 and will be subject to the usual form of contract.

The tender rent must not be less than $400 per month.

The successful tenderer will be required to staff and manage the Restaurant and Provision Store which caters for Jerudong Park Staff and visitors to the Complex. Hours of opening are 7.30 a.m. to 11.00 p.m. daily. He must comply with all Royal Brunei Polo Club administrative instructions.

Staff must be dressed in suitable staff clothing approved by the Royal Brunei Polo Club and medically fit.

The successful tenderer may not sub-let any part of the Restaurant or Provision Store.

Further details may be obtained from the Administrative Officer Jerudong Park. Tenders should be submitted under sealed plain cover marked "Royal Brunei Polo Club Restaurant & Provision Store" to the Secretary Brunei State Tenders Board not later than noon on Thursday 8th January 1981.

The Government of Brunei does not bind itself to accepting the highest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of

**4 units 3½ ton two wheeled Borneo steel bodied Tractor Trailers or equivalent**

with the following specifications for use in connection with the Government Rice Development Project:—

(a) Hydraulic tipping gear
(b) Drop sides
(c) Tyres 750 x 16 6 ply
(d) Drop sides to be fitted with approximately 2 feet high extensions to the sides for carrying bulk grain and must be leak proof. These extensions must be of a quick change type to enable conversion back to general purpose trailers.

These items are to be delivered C.I.F. to Brunei Government Rice Project Wasan after predelivery service for inspection and acceptance tests by the Farm Machinery Engineer. They must be lettered and painted in the Project colours. Specifications for this can be obtained from the Farm Machinery Engineer, Kilanas Agricultural Station Workshop.

Tenders should be submitted under plain sealed cover marked "DEPTS. OF AGRICULTURE AND PUBLIC WORKS RICE MACHINERY — CONFIDENTIAL" to the Chairman Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than noon on Monday 7th January, 1981.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### PROPOSED LIFT INSTALLATION COMPRISING 5 UNITS OF LIFTS FOR THE PUBLIC WORKS DEPARTMENT HEADQUARTERS COMPLEX, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

REGISTERED Specialist Contractors and firms in Lift Installation are invited to submit tender for the complete supply and installation of Lifts at the Public Works Department Headquarters Complex, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 11th December 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 20th January, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—TENDER FOR "LIFTS INSTALLATION FOR THE PUBLIC WORKS DEPARTMENT HEADQUARTERS COMPLEX, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### CONSTRUCTION AND COMPLETION OF CONCRETE SCREEN WALL AT R.B.M.R., BOLKIAH CAMP

TENDER will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from P.W.D. registered Contractor Class AX and above up to 12,00 noon, 13th January 1981 for:—

Construction and Completion of Concrete Screen Wall at R.B.M.R., Bolkiah Camp.

Tender document can be obtained from Messrs Associated Consultants Private Limited, Room 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 24th December 1980 onward during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$500.00 which will be in the form of a Bank Draft in favour of the Government of Brunei and refundable to all unsucessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents and drawings.

The Tender documents are properly filled and signed shall be enclosed in a sealed envelope addressed to the Chairman, Brunei Tenders Board, Brunei and prominently marked in the top left hand corner :—

Tender for :—
Construction and Completion of Concrete Screen Wall at R.B.M.R., Bolkiah Camp.

And deliver to reach:—
The Chairman,
Brunei Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

not later than 12.00 noon on Tuesday, 13th January 1981.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## DI-PEJABAT BUROH, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Buroh di-Pejabat Buroh, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan tidak lebeh dari 45 tahun dan mesti-lah mempunyai : —

Ijazah dalam Ilmu undang2, atau ekonomi, atau perdagangan atau perhubongan perusahaan atau mata2 pelajaran sain kemasharakatan dari Universiti2 atau badan pengajian yang di-iktiraf.

**Tugas2 :**

Bertanggong-jawab untok menyelia dan melichinkan perjalanan semua bahagian dan chawangan Jabatan ini, menjalankan tugas2 pentadbiran Jabatan Buroh dan bagi perkara2 dasar berhubong dengan pengambilan pekerja2 asing, perlindongan pekerja, penguatkuasaan Undang2 Buroh dan Undang2 Tambahan-nya serta lain2 perkara yang berkaitan. Pegawai Buroh bertanggong-jawab bagi perjalanan kerja bahagian2 dan chawangan2 Jabatan pada keselurohan-nya.

Pegawai Buroh akan menjalankan tanggong-jawab yang besar dan hendak-lah menggunakan pertimbangan-nya dalam melaksanakan kerja2 Jabatan ini di-dalam lingkongan dasar 'am yang telah di-tetapkan.

**Tangga Gaji :**

B. 2—$1975-2050-2125-2205-2285-2365 - 2445 - 2525 - 2610-2690-2775 - 2870 - 2965 - 3070-3175-3280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1981.

(E/1809/80)
(Bil : 177/1980)

## TENDER NOTICE

### SUPPLY AND INSTALLATION OF ACOUSTIC DOORS (SOUND-PROOF) FOR THE PROPOSED PIPE BAND BAND BLOCK, TUTONG CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from Specialist and Local Agent of Manufacturers and Registered Public Works Department Contractor Class 'AX' and above for the above mentioned works up to 12.00 noon, 13th January 1981 (Tuesday).

2 Tender documents consisting of Bills of Quantities and ⅛" scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. All other detailed drawings are displayed and can be examined at the said office.

4. The tender deposit will be Brunei $500.00 (Dollars Five Hunderd Only) in the form of a "cashier's order" issued by a Bank, made payable to the Government of Brunei. The said deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and return of deposit receipt and tender drawings to the Architect's office. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

5. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders must be submitted on the Tender Form together with the Bills of Quantities provided and must reach the office of he Chairman, Tenders Board, Brunei, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 13th January 1981 (Tuesday). Tenders received after the stipulated time will be rejected.

7. Tenders shall be enclosed in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderer and shall be marked clearly: — "TENDER FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF ACOUSTIC DOORS FOR THE PROPOSED PIPE AND BLOCK, TUTONG CAMP, BRUNEI."

8. Our Client, the Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### SUB-SURFACE EXPLORATION FOR THE PROPOSED BANGAR HOSPITAL

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, from experienced soil investigation Contractors for Sub-Surface Exploration for the Proposed Bangar Hospital up to 12.00 noon Tuesday 6th January 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR SUB-SURFACE EXPLORATION AT THE SITE OF THE BANGAR HOSPITAL."

4. Tender documents may be obtained from the office of Billing Leong and Rex Koh, Suite 43, Britannia House, Bandar Seri Begawan from Wednesday 24th December 1980 during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refundable to each unsucessful tenderer but forfeited from any tender who fails to return the Tender Document to the Architect before closing date.

6. Tender shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-PEJABAT BUROH, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Buroh, Brunei.

1. PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus Sijil Tinggi Persekolahan atau yang sebanding dan lulus Ilmu Hisab di-Perengkat Biasa dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan yang sama. Pernah menjalani latehan dalam bidang perangkaan;

ATAU

b) Lulus Sijil Persekolahan atau yang sebanding dan mempunyai sekurang2 5 tahun pengalaman berkerja dalam bidang perangkaan. Pernah menjalani sa-suatu kursus latehan di-sa-sebuah Institiut Perangkaan yang di-iktiraf.

ATAU

c) Lulus sekurang2-nya bahagian dua dari pepereksaan Institute of Statistician atau sijil2 yang sebanding.

d) Hendak-lah boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan faseh-nya.

**Tangga Gaji :**

C.1-2-3 EB. 4—$1110-1155-1215 - 1260-1305 - 1350 - 1395-1445-1495 - 1545 - 1615 - 1685-1735-1795 - 1855 - 1915-1980 / EB/2035-2095-2155-2215-2280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. KERANI PERANGKAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus empat mata-pelajaran G.C.E. Perengkat Biasa termasok Ilmu Hisab.
b) Boleh membacha dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan faseh-nya.
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang mempunyai pengalaman kerja2 perangkaan.

**Tugas2 :**

Kerani Perangkaan ada-lah di-kehendaki antara lain memungut, menyemak dan menyusun perangkaan yang di-kendalikan oleh pejabat ini. Perangkaan2 ini ada-lah di-dapati dari borang2 pentadbiran pejabat atau pun dari temu-duga2 dengan orang ramai sa-masa membuat sa-suatu pengkajian atau pembanchian.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1981.

(E/1810/80)
(Bil : 181/1980)

## RE-TENDER NOTICE

### ARMY WORK SERIA, INDOOR TRAINING CENTRE, MEDICINA LINES

1. **TENDERS** will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building Bandar Seri Begawan, Brunei from PWD registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 30th December 1980.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes shall be marked clearly "ARMY WORK SERIA, INDOOR TRAINING CENTRE, MEDICINA LINES."
4. Bills of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from Wednesday 10th December 1980, during normal office hours.
6. The Tender Deposit will be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date. The amount shall be in Bank draft or cheque payable to the Government of Brunei.
6. Prior to the submission of the tender, each tenderer will be required to : —
   1) Produce documentary evidence that he is a PWD registered Class "A" contractor.
   2) Produce documentary evidence that he has compiled with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee.
   3) Produce a letter from his bank (the said bank being a well-known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank would be willing to furnish him with a banker's guarantee in accordance with the Conditions of Contract.
7. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEGAWAI BERTAULIAH A.M.D.B. DI-KEHENDAKI

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI menawarkan pemuda2 di-Brunei pekerjaan yang menchabar dan yang mulia sa-bagai pegawai biasa bertauliah dalam pasokan ini. Pasokan ini ada-lah sa-buah pasokan yang sedang berkembang dan menghendaki pemuda2 untok di-lateh sa-bagai pegawai dalam berbagai2 bidang kemahiran, saperti Pegawai Penerbangan, Pelayaran, Persenjataan, Kejuruteraan dan Elektronik. Jika Awang2 mempunyai kelayakan2 pelajaran, pasokan ini boleh membantu Awang untok di-lateh dalam jurusan2 tersebut.

Kami yakin bahawa Awang2 akan menerima tawaran ini sa-bagai satu chabaran yang baik. Oleh yang demikian memohon-lah untok di-temuduga. Temuduga yang akan datang di-adakan dalam bulan April 1981. Awang2 hendak-lah menghantar permohonan bertulis kapada Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan permohonan2 hendak-lah sampai kapada beliau tidak lewat dari 31hb Januari 1981.

Bagaimana pun, pehak kami memerlukan Awang2 memenohi sharat2 yang berikut bagi membolehkan Awang2 memasoki-nya.

a. Awang2 mesti-lah di-lahirkan di-Negeri Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang terdiri daripada orang2 Melayu dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.
b. Jika Awang2 bukan dari kaum jati puak2 itu, Awang2 mesti-lah berugama Islam dan mensesuaikan diri Awang2 dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang tertaklok kapada sa-barang undang2 bertulis yang berhubong dengan kebangsaan-nya.
c. Bahasa.
   (1) Bagi pemohon2 yang tidak mahir berbahasa Inggeris boleh memohon, tetapi mesti-lah lulus dalam Tingkatan VI aliran Sekolah Melayu 1980. Keistimewaan, akan di-berikan kapada Awang2 yang berjaya untok mempelajari bahasa Inggeris.
   (2) Bagi pemohon2 yang pandai berbahasa Inggeris, mesti-lah lulus Tingkatan V dalam aliran Sekolah Inggeris tahun 1980.
d. Berumor di-antara 17½ hingga 25 tahun pada 21hb Mei 1981 dan maseh bujang.
e. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 1 inchi dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Jika Awang2 di-terima sa-bagai Pegawai Kadet, Awang2 akan menjalani latehan asas tentera di-Pusat Latehan, Perkhemahan Bolkiah sa-lama enam hingga sembilan bulan. Awang2 akan di-hantar keluar negeri untok latehan lanjutan, tertaklok kapada tamat latehan, sa-belum menerima tauliah sa-bagai sa-orang Pegawai di-dalam pasokan ini.

Jika Awang2 memerlukan sa-barang maklumat sila-lah berhubong terus kapada Timbalan Penolong Ejutan Agong, Askar Melayu Diraja Brunei nombor talipon 31111 sambongan 284.

## Sa-bagai Pembantu Kanan Perkembangan Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untok memenohi jawatan kosong sabagai Pembantu Kanan Perkembangan Ugama di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

1. Berumor tidak kurang dari 25 tahun.
2. Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu daripada kelayakan2 berikut:—
   a) Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   b) Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
3. Hendak-lah mempunyai pengalaman yang luas dalam salah satu bidang2 berikut : —
   a) Hal Ehwal penerangan Ugama.
   b) Urusan2 pengIslaman dan pemeliharaan-nya.
   c) Penyediaan bahan2 siaran Ugama di-radio dan TV.
   d) Urusan2 penerbitan buku2 Ugama.
   e) Perkembangan Ugama.
4. Hendak-lah tahu menulis dan membacha Jawi.
5. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-(2) atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun dalam bidang penerangan dan tabligh boleh-lah di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Januari, 1981.

(E/560/77)
(Bil : 176/1980)

## Sa-bagai Jurutrengkas Melayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Jurutrengkas Melayu di-Jabatan Pelajaran bagi bertugas dalam Majlis Pelajaran.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah atau yang sebanding dengan-nya.
b) Lulus Trengkas dan Menaip Perengkat Tertinggi.
c) Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang terendah dari (a) tetapi mempunyai pengalaman2 yang luas dalam kerja2 Trengkas dan Menaip sekurang2-nya tiga tahun atau lebeh akan di-anggap sa-bagai suatu kelayakan untok di-pertimbangkan.
d) Pengalaman berkerja dalam urusan2 'sulit' akan di-sifatkan sa-bagai suatu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1981.

(E/446/59)
(Bil : 180/1980)

## STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE

No. 55/80

TENDERS are invited for the Annual Contract 1981 for the supply of the following Water Treatment Chemicals : —

A. CALCIUM CARBONATE CaCO3
B. ALUMINIUM SULPHATE
C. LIQUID CHLORINE TO BS. 3947:1976

Tender documents may be obtained from the office of the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Jalan Gadong on payment of a tender deposit of $1,000.00 (Dollars one thousand only). This deposit will be refunded in full to the unsuccessful tenderer after the award of the tender is known.

Tender closes on Tuesday 12.00 noon 6th January, 1981.

## Sa-bagai Penguasa Trafik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penguasa Trafik di-Jabatan Talikom, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman sa-bagai Penguasa Trafik Talikom, atau dalam jawatan yang sama, termasok-lah pengalaman dalam kerja2 meramalkan perkembangan pemasangan talipon dan tambahan bilangan panggilan talipon bagi tujuan2 peranchangan. Pengetahuan dalam kerja2 jualan dan perkhidmatan serta persediaan buku panduan talipon ada-lah sa-baik2-nya di-perlukan.

**Tangga Gaji :**

B. 1 — B $1240-1285-1330-1375-1425 - 1475 - 1530 - 1580-1640-1700 - 1765 - 1830 - 1900-1970-2045-2120-2200-2280.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Februari, 1981.

(E/842/78)
(Bil : 178/1980)

## Sa-bagai Juruteknologi Makmal

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juruteknologi Makmal di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan Higher National Diploma atau Certificate dalam mtta-pelajaran Makmal Perubatan atau Fellowship of the Institute of Medical Laboratory Sciences atau pun kelulusan yang sebanding.

Keutamaan akan di-beri kapada raayat Brunei dan kapada mereka yang berkelayakan dalam Histology/Cytology.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang di-lantek akan berkhidmat di-bawah Pakar Kajipenyakit sama ada di-Hospital Bandar Seri Begawan atau di-Hospital Suri Seri Begawan.

M .11 — B$1670-1754-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 / EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Februari, 1981.

(E/313/79)
(Bil : 179/1980)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Class A Contractors by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei up to noon on Tuesday, 10th February 1981 for:

   PROPOSED BAND BLOCK AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN.

2. Priced Bills of Quantities are also to be submitted to the Chairman, Tenders Board together with the tenders.
3. Tenders received after this date will be rejected.
4. Tenders shall be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. The cover must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows :

   PROPOSED BAND BLOCK AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN.

6. Tender Documents may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Thurday 15th January 1981.
7. The Tender Deposit will be $1,000.00 refundable to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona-fide tender.
8. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.
9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMANDU TINGKAT II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Pemandu Tingkat II di-Pejabat Daerah Tutong.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah ber-umor antara 20 hingga 40 tahun dan boleh menulis dan membacha.

b) Mereka mesti-lah peman-du2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen me-mandu dengan tidak per-nah di-dakwa kerana ke-salahan memandu serta boleh membaiki kerosakan kechil.

c) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 dari Dae-rah Tutong yang mem-punyai pengalaman ten-tang jalan2 kechil dan jalan2 di-kawasan penda-laman terutama sekali me-reka yang sedang berkhid-mat di-Jabatan2 Kerajaan Daerah Tutong.

d) Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki me-mandu kenderaan Jabatan dan bersedia berkerja bi-la2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1981.

(E/921/72)

(Bil : 185/1980)

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE VEHICLES

LOT 66

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 am., 9th January, 1981 for the following unserviceable vehicles:—

| | |
|---|---|
| Bus medium | Qty 1 |
| Truck Refuse Collection 4 tonne (without Engine) | Qty 1 |
| Fab Road Trailers | Qty 2 |
| L/Rover Scrap | 400 lbs |

2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Vehicles may be viewed in RSSD Logistics Dept Compound, Bolkiah Camp until 11.00 am, 8th January 1981.
4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 66, RBMR.)
7. Vehicles are offered for sale "As Lying" and must be re-moved from present site by successful tenderer within 14 days of notification.
8. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

## TENDER FOR COLD WATER PUMP SYSTEM, FIRE FIGHTING AND FIRE ALARM SYSTEM FOR THE PROPOSED NATIONAL STADIUM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

REGISTERED Specialist Fire Fighting Contractors are in-vited to submit tender for the complete supply and installa-tion of Cold Water Pump Sys-tem, Fire Fighting and Fire Alarm System for the Propos-ed National Stadium, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting En-gineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 24th December, 1980 onward during normal office hours. The tender de-posit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all un-successful tenderers upon re-ceipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 3rd of February, 1981. Ten-ders received after the stipu-lated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope mark-ed: — TENDER FOR COLD WATER PUMP SYSTEM, FIRE FIGHTING AND FIRE ALARM SYSTEM FOR THE PROPOSED NATION-AL STADIUM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind them-selves to accept the lowest or any tender.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

CATEGORIES 4, 9 & 32 —
TENDER No. EPS/178-80
Repair of the existing pipe rack support between F13 F18 (opposite the Fire Station and Trade School) along Jalan Tengah.

For further information please refer to Tender Notice on B.S.P. Tender Notice Boards.

## JAWATAN2 KOSONG BERGAJI HARI DI-JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN PROJEK PADI JALAN MULAUT

CHALON2 yang terdiri dari ra'ayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan pendudok2 tetap ada-lah di-pelawa untok memohon jawa-tan2 kosong bergaji hari yang tersebut di-bawah dengan me-lalui/menghubongi Jabatan Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan sa-berapa awal-nya :

1. JAWATAN WELDER
(2 kekosongan)

**Kelayakan :**

a. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya 5 tahun;

b. Lepasan Sekolah Latehan Teknikal yang lulus City and Guilds dalam bidang berkenaan;

**Gaji :**

Dalam sukatan kadar D-G ($15.05-$23.10 sa-hari)

2. JAWATAN FITTER
(4 kekosongan)

**Kelayakan :**

a. Mempunyai pengalaman membaiki Jentera Berat tidak kurang 5 tahun;

b. Lepasan Sekolah Late-han Teknikal dengan Si-jil City and Guilds da-lam bidang berkenaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan kadar D-G ($15.05-$23.10 sa-hari)

## TENDER NOTICE

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak buku SENI KHAT (tiga siri) untok De-wan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan2 (specifications) mengenai buku ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat di-buka.

2. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat tertutop dengan perka-taan2 TAWARAN MEN-CHETAK BUKU SENI KHAT di-bahagian atas sa-belah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat daripada hari Isnin 5hb Januari, 1981 jam 3.30 petang.

## DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan2 kosong yang berikut di-Ranchangan Penanaman Padi Kerajaan Jabatan Kerja Raya, Brunei.

1. PENJALAN TRACTOR BERAT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai pengalaman se-kurang2-nya enam tahun me-ngendalikan tractor beroda yang mana sekurang2-nya dua tahun dalam tempoh itu hen-dak-lah dengan mesin 4 x 4 yang melebehi 100 H.P. yang menggunakan kelengkapan ladang yang berat, dozer blades dan rotory ditch cut-ter.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4-5 EB. 6 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENOLONG PENJALAN JENTERA BERAT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai pengalaman se-kurang2-nya dua tahun sa-bagai perintis dalam pengen-dalian Jentera Berat saperti D6 bull-dozer dan/atau Pe-ngorek Hydraulic besar atau yang sebanding dengan-nya, yang mana sekurang2-nya dua tahun dalam tempoh itu hen-dak-lah menjalankan kerja2 precision levelling atau canal cutting atau mengendalikan heavy articulated loader; atau pun satu tahun mengendalikan combine harvester besar serta empat tahun pengalaman da-lam pengendalian dan peme-liharaan bengkel dan jentera berat.

**Tangga Gaji :**

F.3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENOLONG PENJALAN TRACTOR BERAT :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Mempunyai pengalaman se-kurang2-nya dua tahun sa-bagai perintis dalam pengen-dalian tractor berat sapeti mengendalikan tactor beroda yang mana sekurang2-nya dua tahun dalam tempoh itu hen-dak-lah dengan mesin 4 x 4 yang melebehi 100 H.P. yang menggunakan kelengkapan la-dang yang berat, dozer blades dan rotory ditch cutter.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PEMANDU TRACTOR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

Mempunyai pengalaman dua tahun mengendalikan tractor beroda yang menjalankan alat kelengkapan ladang, trailer dan sa-bagai-nya.

**Tangga Faji :**

F. 3-4-5 EB. 6 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PENOLONG PEMANDU TRACTOR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai pengalaman se-kurang2-nya satu tahun sa-bagai perintis pemandu trac-tor saperti mengendalikan trac-tor beroda yang menjalankan alat kelengkapan ladang, trai-ler dan sa-bagai-nya.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Februari, 1981.

(E/1338/80)

(Bil : 190/1980)

## Sa-bagai Penolong Perakam Suara

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Penolong Perakam Suara Filem di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Kelayakan2 asas yang di-perlukan ia-lah sekurang2-nya tiga tahun pengalaman pro-fessional dalam kerja2 yang berkaitan di-sa-sebuah Per-khidmatan Talivishen serta telah tamat sekolah menengah di-Perengkat Sijil 'Am Pela-jaran.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Januari, 1981.

(E/1906/80)

(Bil : 183/1980)

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 193 OF 1980

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th Decem-ber, 1980 for :—

LINKAGE OF WASTE WATER DISPOSAL FOR FLOTILLA BASE MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 194 OF 1980

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th Decem-ber, 1980 for :—

CONSTRUCTION OF VARIOUS STRUCTURES AT PROPOSED CAR PARK AND PADANG BETWEEN JALAN STONEY AND JALAN PEMANCHA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 195 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th January, 1981, for :—

SUPPLY OF GAS COOKERS : —
(1) TABLE TOP MODEL
(2) OVEN TYPE MODEL
TO P.W.D. BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars ob-tained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 196 OF 1980

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered con-tractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th January, 1981, for:—

CONSTRUCTION OF MOSQUE AT KAMPONG KUPANG, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. KB29/1980

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas AX sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 6hb Januari, 1981 bagi:—

CONSTRUCTION OF A COVERED STORE AND OTHER WORKS FOR SERIA WATER WORKS.

Surat2 keterangan serta bu-tir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB29/1980

TENDERS will be received from Class AX only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th January, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF A COVERED STORE AND OTHER WORKS FOR SERIA WATER WORKS.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Depart-ment, Kuala Belait.

## NOMINATED SUB-CONTRACT FOR L.T. ELECTRICAL INSTALLATION AT PROPOSED PRIMARY SCHOOL, SUNGAI LIANG, BELAIT, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 20th January 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be reject-ed.

3. Tenders must be submit-ted in sealed envelopes bear-ing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR L. T. ELECTRICAL INSTALLATION AT PRO-POSED PRIMARY SCHOOL, SUNGAI LIANG, BELAIT, BRUNEI."

4. The Bill of Quantities are also to be submitted to the Chairman, Tenders Board to-gether with the Tender Bids.

5. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Sepakat Setia Perun-ding, 147, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei, from 31st December 1980 on-wards during normal office hours.

6. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of cheque made out in favour of Sepakat Setia Perunding. The tender de-posit will not be refunded to the successful tenderers.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender draw-ings in satisfactory condition to the Engineer's office.

7. Prior to the issue of the tender document, each ten-derer will be required to pro-duce documentary evidence that he is a class 'A' or 'B' Electrical Contractor.

8. The Government of Bru-nei does not bind itself to ac-cept the lowest or any tender.



Y.B. Setia Usaha Kerajaan menyampaikan hadiah kapada ketua pasokan SPI Keriam yang menjadi naib johan di-permainan itu.

# Memelihara keselamatan di-jln raya

TUTONG. — Perbuatan memelihara keselamatan di-jalan-raya yang di-pertanggong-jawabkan ka-atas semua pehak bukan sahaja chuma mematohi undang2 negeri tetapi perbuatan itu pada prinsip-nya boleh-lah di-katakan sa-bagai mematohi keadilan yang di-tuntut oleh Allah.

Berhubong dengan subjek keselamatan di-jalan-raya ini, Allah telah memerintahkan semua hamba-nya untok berlaku adil di-dalam tiga perkara. Pertama adil di-dalam perkara diri-nya dengan Tuhan-nya, kedua adil di-dalam perkara diri-nya dengan jiwa atau nyawa-nya dan ketiga, adil dalam perkara diri-nya dengan diri orang lain.

Demikian di-antara isi kandongan uchapan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Permainan Lalu-lintas Shell perengkat negeri bagi tahun ini bertempat di-Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-sini pagi Ahad lepas.

"Dalam hubongan ini saya sukachita menarek perhatian semua pehak tentang peri-mustahak-nya menyedari bahawa tanggong-jawab terhadap keselamatan satu sama lain di-jalan-raya itu sama ada yang melibatkan harta benda mau pun nyawa sangat-lah di-tuntut oleh Islam.

"Adil di-dalam perkara diri-nya dengan Allah ia-lah meletakkan diri sendiri dan segala kepentingan-nya di-bawah kehendak Allah. Adil di-dalam perkara diri-nya dengan jiwa atau nyawa-nya ia-lah menghalang diri dari merosakkan jiwa atau nyawa sendiri dan adil dalam perkara diri-nya dengan orang lain termasok-lah tidak menyakiti atau menjadi puncha kesakitan ka-atas diri orang lain," jelas Yang Berhormat Pehin.

"Sa-balek-nya kechuaian atau kesenghajaan atau pun kegagalan mematohi peratoran2 itu bererti chuai, senghaja atau gagal melaksanakan keadilan terhadap diri sendiri dan terhadap diri orang lain maka tentu-lah sa-suatu kedzaliman atau penginayaan yang di-tegah oleh Allah subhanawataala telah terjejas," tambah Yang Berhormat Pehin.

Munchol di-tempat pertama di-dalam permainan itu ia-lah Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Seria dan di-ikuti di-tempat kedua dan ketiga oleh pasokan2 daripada Sekolah Persediaan Inggeris Keriam dan Sekolah Melayu Anak2 AMDB Batallion Kedua, Tutong.

Di-antara yang hadhir pada pagi itu termasok-lah YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof, Pegawai Daerah Tutong dan Brunei-Muara Awang Haji Chuchu Panglima Asgar Dato Haji Abdullah dan Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Ja'afar, Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Peter Everett serta pegawai2 kanan kerajaan yang lain.

# Tembok keperchayaan yang lapok

Dari muka 1

serta keharmonian negara yang kebanyakan raayat-nya mengalami kemiskinan jiwa samada kerana buta huruf atau kejahilan terhadap perkembangan sosio-ekonomi di-sekeliling-nya di-sebabkan oleh tembok keperchayaan yang lapok.

Menurut beliau, banyak masaalah yang timbul dalam pembangunan sosio-ekonomi sa-sebuah negara ada-lah berpuncha daripada kejahilan raayat untok memahami matalamat2 di-sa-balek ranchangan sosio-ekonomi itu. Saperti yang di-maklumi, kejahilan membiak kejahilan — dan di-sini-lah pendidekan itu memainkan peranan-nya yang paling penting dan stratejik.

Soal-nya sekarang, pendidekan apa? Pendidekan untok lulus pepereksaan dan mendapat sijil? Pendidekan untok memperolehi kemewahan? Atau untok mendapatkan status kedudokan yang baik dalam masharakat? Semua itu serba mungkin kalau pendidekan itu di-tinjau dari skop-nya yang kechil dan terbatas, tambah-nya.

Bagi menjawab soalan itu, beliau berkata, pendidekan yang di-katakan sa-bagai kekayaan negara ia-lah pendidekan yang dapat menjamin sa-seorang itu berdiri di-tapak kaki-nya sendiri apabila ia meninggalkan bangku sekolah dan memasoki kanchah penghidupan masharakat yang serba menchabar.

"Kalau matalamat itu terchapai baharu-lah dapat di-katakan yang kamu sa-bagai 'investment' negara itu telah menerima pendidekan yang sempurna yang di-sifatkan sa-bagai kekayaan negara itu," ujar beliau.

Awang Mahmud mengingatkan para pelajar bahawa satu masa yang akan datang giliran mereka pula untok mendidek anak2 masharakat mereka atau mentadbir negara mereka.

# Bukan untok menyeksa orang ramai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin menegaskan bahawa pertukaran peratoran2 dan pembenaan bangunan tambahan di-Rumah Sakit Umom bukan-lah bertujuan untok menyeksa orang ramai tetapi ada-lah untok melichinkan lagi rawatan2 terhadap mereka.

Berhubong dengan tindakan dalam masa kebakaran, jika ia-nya terjadi di-Rumah Sakit di-ibu negeri, Yang Berhormat itu menyatakan, bahawa satu langkah yang berkesan telah pun di-ator untok perkara tersebut.

Mengulas tentang jururawat2 yang tidak lulus pereksa supaya di-ambil balek bekerja sa-bagai jururawat, Yang Berhormat menjelaskan peratoran2 latehan jururawat ada berbagai-bagai dan yang tinggi sa-kali di-negeri ini ia-lah sa-bagai pelateh2 jururawat.

Ia-nya akan memakan masa sa-lama 3 tahun dua bulan, tetapi sa-belum mereka di-benarkan berlateh sampai hujong-nya, akan di-uji dalam masa sa-tiap enam bulan dan apabila mereka tidak lulus dalam masa tiga kali, kata Yang Berhormat baru-lah di-sokong untok di-tamatkan perkhidmatan-nya.

Sa-balek-nya jika mereka ini telah berlateh salama dua atau tiga tahun dan mereka yang di-fikirkan sesuai boleh-lah di-sokong sa-bagai penolong jururawat. Ini ada-lah bertujuan untok meninggikan lagi taraf2 perkhidmatan jururawat di-negeri ini.




Dua buah buku oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka yang berupa majallah dan antoloji sajak telah pun terbit dan sekarang boleh di-beli dari jabatan tersebut pada bila2 masa pejabat di-buka.

MAJALLAH BAHANA yang di-keluarkan tiga bulan sekali ada-lah merupakan bilangan yang ke-32 (Julai-September 1980).

Keluaran kali ini mengandongi antara lain ruangan yang memperkatakan Shaer Perlembagaan Negeri Brunei, Sastera Di-Alam Kanak2 Melayu Brunei dan Hubongan-nya dengan Pendidekan, Perusahaan Gula Apong dan sa-buah cherpen bertajok 'Kembara Malam'.

Harga bagi sa-tiap naskah majallah ini ia-lah $1.00.

LAGU HARI DEPAN yang juga terbit ada-lah sa-buah antoloji sajak yang di-hasilkan oleh 10 orang penyaer.

Penulis2 dalam antoloji ini terdiri daripada mereka yang sudah menempoh pelbagai pengalaman dan dari pelbagai bidang kerjaya.

Penyaer2 dalam antoloji ini melalui daya-chipta sajak merasakan satu sejarah kebangkitan, chita-rasa dan ideal bernegara di-bawah satu bangsa dan bendera.

Kata pengantar antoloji ini di-tulis dan di-sediakan oleh Dr. Muhammad Haji Salleh, sa-orang pensharah dan salah sa-orang penyaer yang terpenting dalam kesusasteraan Melayu hari ini.

Buku ini berukoran 136mm X 216mm dan mengandongi 100 muka surat.

# Undang2 lalu-lintas di-ayer

Dari muka 1

Masaalah kelambatan meyukat tanah telah juga di-jelaskan-nya yang berpuncha dari banyak-nya permohonan2 yang sedang di-proses dan penyukatan2 itu terpaksa di-buat bergilir2.

Siapa2 yang mahu chepat, jelas-nya boleh menggunakan juru-ukor2 persendirian dan perkara ini terpulang-lah kapada pemohon2 itu memikirkan-nya.

Tentang keselamatan lalu-lintas di-ayer, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya memaklumkan bahawa undang2 telah pun siap di-gubal dan akan di-hadapkan kapada Majlis Mashuarat itu untok di-bahaskan dan di-luluskan.

Ranchangan perpindahan juga di-maklumkan-nya sa-bagai sedang berjalan dengan lanchar dan menafikan tudohan yang mengatakan bahawa ranchangan itu hanya sa-bagai "memalak-malaki" mata saja.

Ranchangan perpindahan di-Kampong Mata-Mata, jelas-nya, sudah pun selesai pembersehan kawasan-nya termasok pembenaan jalan-raya. Chuma yang belum selesai, ia-lah kerja2 memasokkan bekalan letrik dan ayer ka-kawasan itu. Ranchangan perpindahan di-Kampong Serasa juga sedang giat di-laksanakan.

Mengenai dengan pengeluaran geran2 tanah, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menyatakan, di-Daerah Brunei dan Muara sa-banyak 180 geran tanah telah di-keluarkan dan seluroh yang di-pohonkan di-Temburong juga telah di-keluarkan.

Dalam hubongan ini, kata-nya, apa yang di-harapkan kerajaan ia-lah pengusahaan-nya. Tuan2 tanah itu harus mengisikan tanah2 mereka saperti mana sharat2 yang telah di-berikan dan tidak akan membiarkan-nya kosong begitu sahaja.

Tentang Sekim Pinjaman Wang Kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi yang di-katakan "lambat" pengeluaran-nya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya menjelaskan bahawa banyak sudut yang harus di-teliti terlebeh dahulu sa-belum di-luluskan permohonan sa-seorang itu. Tugas memproses hal ini ada-lah memakan masa dan ia-nya bukan-lah senghaja di-lambat-lambatkan.




SA-RAMAI 16 orang setia usaha2 sulit dari beberapa buah jabatan2 kerajaan telah menyertai satu kursus empat hari di-Pusat Latehan Jabatan Perjawatan yang bermula dari 8hb Disember lepas.

Kursus tersebut merupakan kursus yang julong2 kali-nya di-anjorkan dan Dayang Paz A de Leon (berdiri no. 5 dari kiri), sa-orang pensharah dari Filipina telah di-datangkan khusus bagi mengendalikan kursus tersebut.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.